



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***REPRESENTASI WATAK WANITA DALAM KARYA SASTERA MELAYU  
MODEN BERDASARKAN KERANGKA TAKLIF***

***ELIZATUL NASTAYSAH BINTI KAMARUDDIN***

**FBMK 2016 62**



**REPRESENTASI WATAK WANITA DALAM KARYA SASTERA MELAYU  
MODEN BERDASARKAN KERANGKA TAKLIF**

Oleh

**ELIZATUL NASTAYSAH BINTI KAMARUDDIN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
**Ijazah Master Sastera**

**April 2016**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**REPRESENTASI WATAK WANITA DALAM KARYA SASTERA  
MELAYU MODEN BERDASARKAN KERANGKA TAKLIF**

Oleh

**ELIZATUL NASTAYSAH BINTI KAMARUDDIN**

**April 2016**

**Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini bertitik tolak daripada sorotan literatur yang menyerlahkan kecenderungan kajian-kajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, dalam menerapkan feminism sebagai kerangka analisis. Kecenderungan ini menimbulkan perbahasan dalam kalangan sarjana dan pengkritik sastera yang menganggap penerapan feminism menghasilkan dapatan serta kesimpulan yang mengelirukan. Kekeliruan ini dikatakan terjadi kerana dapatan dan kesimpulan yang terhasil itu bertentangan dengan Islam yang menjadi teras tradisi kesusasteraan Melayu. Sehubungan itu, timbul seruan supaya pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu menggunakan pakai kerangka analisis yang berteraskan Islam. Dalam konteks kecenderungan dan seruan di atas, kajian ini diusahakan bagi meneliti representasi watak wanita dalam kesusasteraan Melayu dengan menggunakan pakai satu kerangka analisis yang berteraskan Islam. Tesis ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif penting iaitu menganalisis, dan seterusnya merumuskan representasi watak-watak wanita dalam karya sastera Melayu moden periode awal berdasarkan kerangka *Taklif*. Dalam usaha merealisasikan kedua-dua objektif ini, tesis ini memilih untuk menerapkan kerangka *Taklif* sebagai kerangka analisis. *Taklif* merupakan satu kerangka Islam yang menunjangi gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan. Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, kajian ini menganalisis enam buah cerpen dan dua buah novel Melayu. Pemilihan ini diasaskan kepada pertimbangan bahawa karya-karya sastera yang dikaji ini diterbitkan dalam lingkungan periode awal sejarah kesusasteraan Melayu moden. Selain itu, watak-watak wanita dalam karya-karya yang dikaji telah mendapat perhatian yang serius dalam kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata menerapkan feminism sebagai kerangka analisis. Pertimbangan ini membolehkan kajian ini menawarkan dapatan serta kesimpulan yang baharu, hasil daripada penerapan kerangka analisis yang berbeza. Dengan menerapkan kerangka *Taklif*, analisis ini merumuskan bahawa karya-karya sastera Melayu moden yang dikaji cenderung dalam merepresentasikan watak-watak wanita yang bertentangan dengan Islam. Dengan hasil analisis serta rumusan ini, kajian ini diharap memberikan sumbangan yang bererti dalam pengkajian tentang

wanita dalam karya-karya sastera moden, khususnya yang mewakili periode pertengahan dan selanjutnya dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden.



Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Master of Arts

**REPRESENTATION OF WOMEN CHARACTER IN MODERN MALAY  
LITERATURE BASED ON THE FRAMEWORK OF TAKLIF**

By

**ELIZATUL NASTAYSAH BINTI KAMARUDDIN**

**April 2016**

**Chairman : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

This thesis stems from the literature reviews that highlight the propensity of women studies in Malay literature, in applying feminism as a framework for analysis. This propensity has led to a debate among scholars and literary critics who believe that the implementation of feminism can produce misleading findings and conclusions. This confusion is said to occur due to the results findings and conclusions that are contrary to Islam, which is the core of Malay literature tradition. Therefore, there have been calls of encouragement for the study of women in Malay literature to apply an analytical framework that is based on Islam. In response to the call as mentioned above, this study is conducted to examine the representation of female characters in Malay literature by applying an analytical framework that is based on Islam. This thesis is structured to achieve two important objectives, which are analyzing and summarize the representation of female characters in the early period of modern Malay literature according to the *Taklif*-based framework. In order to realize both objectives, this thesis choose to apply *Taklif* as a framework for the analysis. *Taklif* is an Islamic framework that underpin the idea of *Persuratan Baru* (PB) pioneered by Mohd. Affandi Hassan. This study will analyzes six Malay short stories and two Malay novels by applying the *Taklif*-based framework. This selection is done by considering these chosen literary pieces were published in the early period of the modern Malay literature history. In addition, the female characters in the selected literary pieces have received serious attention in the existing literature studies that implemented feminism as an analytical framework. These considerations allows this study to offer new insights and conclusions by applying different analytical framework. The application of *Taklif*-based framework has led this analysis to conclude that the studied modern Malay literary pieces has a tendency to represent the female characters in contradict to Islam. Hopefully the findings of this study are able to contribute significantly in the study of women characters in modern literary pieces, especially those pieces that are representing the middle period and the subsequent periods in the history of modern Malay literature.

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana berkat limpah kurnia dan dengan izin-Nya, saya dapat menyempurnakan penulisan tesis ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, selaku penyelia yang menjalankan tanggungjawab dengan penuh kesabaran dan banyak memberikan tunjuk ajar serta teguran sepanjang kajian ini dijalankan. Ucapan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Dr. Norazlina binti Haji Mohd. Kiram dan Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad kerana memberikan komen yang dapat memperbaiki penulisan tesis saya ini. Sesungguhnya, tanpa bimbingan mereka semua, tidak mungkin penulisan ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan juga ditujukan kepada institusi-institusi yang memberikan kerjasama dan membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, terutamanya Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Utama (UM), Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM) dan Perpustakaan Negara.

Akhir sekali, dedikasi yang istimewa saya rakamkan kepada seluruh keluarga saya yang tercinta, terutama kepada nenda Patimah@Sarah binti Baba, ayahanda Kamaruddin bin Hassan dan bonda Suzana binti Md. Husin serta adik-adik, Nur Farahain, Muhammad Amirrul Syafiq, Muhammad Ariff Aiman dan Nur Hanisah Farisyah yang banyak memberikan sokongan moral sepanjang tempoh pembelajaran saya di Universiti Putra Malaysia. Kesabaran kalian mendoakan kejayaan ini amat saya hargai.

Kepada nama yang disebutkan atau yang tidak disebutkan di sini, terimalah kalungan rasa penghargaan yang ikhlas dari saya. Moga kalian sentiasa dirahmati oleh-Nya.

Elizatul Nastaysah binti Kamaruddin  
Masjid Tanah, Melaka

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Norazlina binti Haji Mohd. Kiram, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Elizatul Nastaysah binti Kamaruddin (GS35888)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan : Norazlina binti Haji Mohd. Kiram, PhD

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa Penyeliaan : Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Literatur	2
1.3 Permasalahan Kajian	22
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Pemilihan <i>Taklif</i> Sebagai Kerangka Analisis	23
1.6 Pengertian Kata Kunci dan Takrifan Konseptual	24
1.7 Batasan Kajian dan Justifikasi Pemilihan Bahan Kajian	28
1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab	28
1.9 Kepentingan Kajian	29
<b>2 TAKLIF SEBAGAI KERANGKA ANALISIS</b>	
2.1 Pengenalan	31
2.2 Sambutan dan Resepsi Terhadap Gagasan Persuratan Baru	31
2.3 Kehilangan Tradisi Ilmiah dan Kelesuan Ilmu dalam Kesusasteraan Melayu Moden: Konteks Kehadiran Gagasan Persuratan Baru	33
2.4 Falsafah Gagasan Persuratan Baru	41
2.4.1 Hakikat Insan	41
2.4.2 Hakikat Ilmu dan Amal	47
2.4.3 Hakikat dan Fungsi Sastera	50
2.5 Ikhtisar	54
<b>3 WANITA MENURUT KERANGKA TAKLIF</b>	
3.1 Pengenalan	57
3.2 Asal Usul Kejadian Wanita Menurut Islam	57
3.3 Hak Wanita Menurut Islam	67
3.3.1 Hak untuk Dilindungi dan Dihormati	67
3.3.2 Hak Mendapatkan Ilmu dan Pendidikan	77
3.3.3 Hak dan Peranan Wanita dalam Institusi Perkahwinan	81
3.3.4 Hak dan Peranan Wanita dalam Masyarakat	92
<b>4 ANALISIS REPRESENTASI WATAK WANITA DALAM KESUSASTERAAN MELAYU MODEN MENURUT KERANGKA TAKLIF</b>	
4.1 Pengenalan	100

4.2	Analisis Representasi Watak Munah dalam Cerpen “Kekuasaan dan Kekuatan” oleh Hamzah Hussin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	100
4.3	Analisis Representasi Watak Fatimah dalam Cerpen “Perempuan Gusti” oleh Hamzah Hussin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	106
4.4	Analisis Representasi Watak Fatimah dalam “Cerpen Fatimah Kahwin” oleh Hamzah Hussin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	112
4.5	Analisis Representasi Watak Fatimah dalam Cerpen “Hendak ke Mana Fatimah” oleh Hamzah Hussin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	117
4.6	Analisis Representasi Watak Fatimah dalam Cerpen “Fatimah Sebagai Isteri” oleh Hamzah Hussin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	121
4.7	Analisis Representasi Watak Midah dalam Cerpen “Perempuan” oleh Anis Sabirin Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	124
4.8	Analisis Representasi Watak Faridah Hanom dalam Novel <i>Faridah Hanom</i> oleh Al-Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	130
4.9	Analisis Representasi Watak Salmah dalam Novel <i>Iakah Salmah?</i> oleh Ahmad Rashid Talu Berdasarkan Kerangka <i>Taklif</i>	136
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	142
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	147
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	154

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Sehingga kini, kajian-kajian ilmiah berkaitan wanita dalam kesusasteraan Melayu telah banyak diusahakan. Kajian-kajian sedia ada ini meliputi karya-karya sastera Melayu tradisional dan moden. Dalam konteks kesusasteraan Melayu moden, pengamatan awal mendapati bahawa kajian-kajian ilmiah banyak dilakukan terhadap genre novel dan cerpen. Antaranya, kajian bertajuk “Wanita dalam Novel A. Samad Said” (1995) oleh Rosnah Baharuddin, “Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu dengan Karya Penulis Wanita *Mahua* 1957-1982” (1995) oleh Yulduz Emiloglu, “Citra Wanita dalam Karya-Karya Zaharah Nawawi” (2002) oleh Azlinda Abdul Aziz, “Feminisme: Antara Ilusi dengan Realiti” (2003) oleh Amida@Hamidah Abdulhamid, “Wanita dan Imej Pandora dalam *Tivi*: Satu Kritik Feminis” (2003) oleh Sohaimi Abdul Aziz, “Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu dari Perspektif Pengarang Wanita” (2004) oleh Siti Khariah Mohd Zubir, “Puitika Sastera Wanita dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik” (2005), “Pemartabatan Wanita dalam *Lentera Mustika*: Daripada Lensa Feminis” (2012) kesemua oleh Norhayati Ab. Rahman, “Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas” (2005) oleh Membunga@Siti Meriam Yaacob, “*Ikhtiar Wanita*: A Multidisciplinary Reading of Female Agency in Pre-Independence Malay Novels” (2006) oleh Ruzy Suliza Hashim dan Shahiza Ismail Hamdan, “Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki” (2006) oleh Siti Aisah Murad, “Feminisme dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter” (1999), “Wanita Melayu Dari Perspektif Aliran Feminisme: Kajian Terhadap Cerpen-Cerpen Melayu” (2007a), “*Isteri*: Sifat Ketenangan dan Persaudaraan Wanita Dilihat Daripada Kerangka Hubungan Jantina” (2007b), “Keperkasaan Wanita dalam *Harga Sebuah Maruah*” (2009) kesemuanya oleh Siti Hajar Che Man, “Wanita dalam Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin: Dari Perspektif Ginokritik” (2009) oleh Nor Razana Daud serta “*Haruman Kencana* dan *Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme” (2009) oleh Nor Azlia Mat Jaafar.

Lebih penting lagi, pengamatan awal juga mendapati kajian-kajian ilmiah tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu moden yang diusahakan sehingga kini cenderung menerapkan teori feminism sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya sastera moden. Kecenderungan ini kemudiannya turut disusuli dengan kehadiran kajian-kajian yang turut cenderung membincangkan tentang feminism dalam kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang akan diperlihatkan dan dibincangkan secara lebih khusus dalam bahagian Sorotan Literatur.

## 1.2 Sorotan Literatur

Seajar dengan kecenderungan yang telah dinyatakan di atas, pengamatan awal terhadap kajian-kajian sedia ada rata-rata mengesan tiga corak dapatan yang terhasil daripada kajian-kajian ilmiah tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu ini. Pertama, corak dapatan yang cenderung memperakukan sumbangsan dan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian karya sastera Melayu. Corak dapatan ini antaranya diperlihatkan dalam tesis sarjana oleh Azlinda Abdul Aziz (seterusnya Azlinda) bertajuk “Citra Wanita dalam Karya-Karya Zaharah Nawawi” (2002). Kajian ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa novel-novel Melayu hasil nukilan para penulis wanita kurang mendapat perhatian para sarjana serta pengkaji sastera. Dalam hal ini, kajian Azlinda berpendapat hanya segelintir penulis wanita seperti Khadijah Hashim, Fatimah Busu dan Anis Sabirin sahaja yang mendapat perhatian. Kajian Azlinda turut mendakwa bahawa para penulis lelaki tidak mampu menyelami isu-isu berkaitan wanita secara berkesan, berbanding para penulis wanita. Bertitik tolak daripada hipotesis serta dakwaan ini, kajian Azlinda disasarkan untuk menganalisis watak wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi berdasarkan teori feminism, dan seterusnya menilai kesesuaian teori feminism sebagai kerangka analisis berdasarkan perspektif Islam. Bagi mencapai objektif-objektif ini, kajian Azlinda memilih untuk menerapkan kerangka teori feminism yang digariskan oleh Cheri Register iaitu seorang pemikir feminis, bagi menganalisis tiga novel Zaharah Nawawi iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972), *Jalur Sinar di Cela Daun* (1984) dan *Anugerah* (1995). Analisis yang menerapkan kerangka teori feminism ini berhasil dalam mengenal pasti kecenderungan novel-novel Melayu yang dikaji, yang didapati tidak lagi memanifestasikan citra wanita yang stereotaip seperti citra wanita sebagai suri rumah yang berkerjaya, citra wanita yang tabah, citra wanita yang mempunyai cita-cita serta berpendidikan. Kajian Azlinda turut merumuskan bahawa kesemua watak wanita dalam novel-novel kajian telah berjaya menempatkan diri dan mempunyai kedudukan yang tinggi serta dihormati dalam masyarakat setempat. Lebih penting lagi, kajian Azlinda menyimpulkan bahawa teori feminism yang diguna pakai telah membolehkan kajianya untuk menganalisis secara kritis novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji. Hasil penerapan teori feminism sebagai kerangka juga dianggap berjaya mengupas ketidakadilan terhadap wanita sebagaimana yang diperagakan dalam novel-novel Melayu. Selain itu, kajian Azlinda juga merumuskan bahawa penilaian terhadap karya sastera Melayu yang menggunakan prinsip-prinsip teori feminism harus disesuaikan dengan perspektif Islam. Hal ini kerana golongan feminis di Barat lantang menuntut persamaan hak dan tanggungjawab kaum wanita dengan kaum lelaki. Dapat difahami isu kesamarataan hak dan tanggungjawab antara wanita dan lelaki jelas bertentangan dengan konsep penciptaan manusia menurut Islam. Tidak keterlaluan dikatakan walaupun isu tersebut jelas bertentangan dengan konsep Islam, namun kajian Azlinda ini cenderung memperakukan ketepatan teori feminism dalam pengkajian, sebagaimana yang dijelaskannya:

Namun begitu, teori feminism yang disarankan oleh Cheri Register ini perlu disesuaikan dengan penerimaan budaya Melayu yang berlandaskan nilai budi bangsanya dan terpaut kukuh kepada ajaran Islam. Oleh itu, untuk menilai wanita melalui watak-watak yang dipaparkan dalam ketiga-tiga buah novel berdasarkan ciri-ciri yang disarankan oleh pengamal Feminisme Cheri Register, pengkajian harus telus dengan mengambil kira batas-batas yang ditentukan oleh

Islam dan sesuai dengan jiwa Melayu [Sistem ejaan dalam petikan yang dikutip sepanjang kajian ini dikekalkan daripada sumber asal] (Azlinda, 2002: 144).

Corak yang sama juga kelihatan dalam tesis sarjana Nor Azlia Mat Jaafar (seterusnya Nor Azlia) bertajuk “*Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh*” karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme” (2009). Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa kurangnya kajian yang kritis tentang aspek wanita dalam novel karya Zaharah Nawawi bertajuk *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Selain itu, kajian Nor Azlia ini juga mendakwa bahawa isu-isu yang melibatkan dunia wanita dalam karya-karya sastera hanya menjadi perhatian kepada para penulis wanita, berbanding dengan para penulis lelaki. Bertitik tolak daripada permasalahan dan dakwaan ini, kajian Nor Azlia disasarkan untuk menganalisis kedudukan dan martabat wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi berdasarkan teori feminism. Bagi mencapai objektif ini, kajian Nor Azlia memilih untuk menerapkan teori feminism yang digariskan oleh Cheri Register seorang pemikir feminis, bagi menganalisis dua novel Zaharah Nawawi iaitu *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Untuk itu, kajian ini menerapkan lima prinsip yang digariskan oleh Cheri Register. Pertama, teks sastera menjadi forum atau medan bagi membicarakan soal wanita. Kedua, wanita sebagai contoh atau model dalam teks sastera. Ketiga, teks sastera mewujudkan semangat persaudaraan antara kaum wanita. Keempat, teks sastera berupaya menimbulkan kesedaran ke arah pembangunan kendiri wanita. Dan kelima, teks sastera berupaya mewujudkan kefahaman yang bersesuaian dengan latar budaya masyarakat. Berdasarkan kepada lima prinsip ini, kajian Nor Azlia ini berhasil dalam mengenal pasti beberapa citra wanita yang terserlah secara dominan dalam novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji. Antaranya, citra wanita yang berusaha mencari jati diri dan identiti kewanitaan, citra wanita yang matang, citra wanita yang berfikiran terbuka, dan citra wanita yang berani dan bijak. Bertentangan dengan citra wanita yang positif ini, watak-watak dalam novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji didapati menyerlahkan sifat-sifat negatif dan tidak berperikemanusiaan. Lebih penting lagi, kajian Nor Azlia merumuskan bahawa kedua-dua novel Zaharah Nawawi yang dikaji sarat pemikiran teori feminism, sebagaimana yang dijelaskannya:

Hasil penelitian menunjukkan kedua-dua novel ini sarat dengan wangian feminism yang kental melalui penokohan watak wanita dan pemusatan seluruh ceritanya kepada perjalanan hidup protagonis wanita. Pengarang mengupas isu-isu kebebasan yang dituntut oleh golongan wanita meliputi kebebasan untuk menentukan jalan hidup sendiri dalam kerjaya, kebebasan dalam menuntut ilmu, kebebasan dari sudut fizikal dan minda terutama penganiayaan dan pandangan negatif masyarakat (Nor Azlia, 2009: 152).

Dapat dikatakan bahawa penerapan teori feminism dianggap telah membolehkan kajian Nor Azlia ini untuk mengenal pasti kekuatan novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji.

Pengamatan seterusnya meneliti kajian yang diusahakan sebagai tesis kedoktoran oleh Rosnah Baharuddin (seterusnya Rosnah) bertajuk “Wanita dalam Novel A. Samad

Said” (1995). Tesis kedoktoran ini diterbitkan dalam bentuk buku dengan judul *Belahan Jiwa Wanita dalam Novel A. Samad Said* pada tahun 2000. Kajian Rosnah ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang aspek wanita dalam novel-novel A. Samad Said kurang mendapat perhatian para sarjana dan pengkaji sastera. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa kebanyakannya kajian sedia ada pada ketika itu cenderung membicarakan proses penciptaan novel-novel A. Samad Said sahaja. Bertitik tolak daripada itu, kajian Rosnah ini hadir dengan memberikan tumpuan terhadap watak-watak wanita dalam novel-novel A. Samad Said bagi membuktikan bahawa watak-watak ini hadir dengan kecenderungan atau “kuasa” (*agency*) yang tertentu. Dengan fokus ini, kajian Rosnah ini disasarkan untuk menganalisis perubahan kedudukan dan peranan wanita dalam novel-novel A. Samad Said yang mencakupi zaman sebelum perang, zaman semasa perang, zaman selepas perang dan zaman selepas merdeka. Analisis ini meliputi sembilan novel A. Samad Said iaitu *Adik Datang* (1980), *Di Hadapan Pulau* (1978), *Keledang* (1979), *Sungai Mengalir Lesu* (1967), *Salina* (1961), *Ke Mana Terbangnya Si Burung Senja* (1966), *Langit Petang* (1980), *Daerah Zeni* (1985) dan *Hujan Pagi* (1992). Dalam menganalisis novel-novel ini, kajian Rosnah memilih untuk menerapkan teori feminism sebagai kerangka analisis. Analisis yang menerapkan kerangka teori feminism ini dianggap berupaya mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelukisan dan seterusnya membentuk persepsi terhadap watak-watak wanita dalam novel-novel A. Samad Said. Antaranya, hubungan dan pengalaman A. Samad Said dengan keluarga, wanita, masyarakat, zaman dan karya-karyanya. Soal hubungan dan pengalaman inilah yang membezakan pelukisan watak wanita dari sudut pandangan para penulis lelaki dan wanita dalam karya sastera menurut teori feminism. Kajian Rosnah ini juga mendapati bahawa novel-novel A. Samad Said sebelum perang memanifestasikan citra wanita yang stereotaip iaitu citra wanita yang tidak mendapat tempat dalam masyarakat. Merujuk kepada periode selepas merdeka, kajian Rosnah ini mendapati bahawa novel-novel A. Samad Said yang dikaji menyerlahkan soal manipulasi kecantikan wanita sebagai modal bagi mendapatkan kedudukan dalam masyarakat, sebagaimana yang disimpulkannya:

Suatu kecenderungan A. Samad Said adalah menekankan kecantikan wanita itu sebagai modal utama wanita mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat. Kecantikan dijadikan faktor penting dalam diri wanita. Tanpa kecantikan digambarkan wanita tidak akan dihargai, dan tidak mempunyai peluang untuk memulakan hidup baru. Ini kerana kebanyakannya watak-watak wanita yang ditampilkan ialah wanita muda yang masih luas masa depannya. Oleh sebab itulah kecantikan digambarkan faktor yang sangat penting. Pekerjaan, keterampilan tidak pernah menjadi jaminan atau kekuatan wanita untuk mengharungi hidup (Rosnah, 1995: 426).

Adalah jelas bahawa tesis kedoktoran Rosnah ini cenderung memperakukan aspek hubungan dan pengalaman penulis sebagai satu faktor yang mempengaruhi pelukisan watak wanita dalam karya penulisan. Dapat dikatakan bahawa perakuan kajian Rosnah terhadap aspek ini dimungkinkan oleh penerapan teori feminism sebagai kerangka analisis.

Pengamatan ini seterusnya meneliti tesis kedoktoran yang diusahakan oleh Siti Khariah Mohd Zubir (seterusnya Siti Khariah) bertajuk “Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu dari Perspektif Pengarang Wanita” (2004). Kajian Siti Khariah ini bertitik tolak daripada permasalahan bahawa perlunya satu kajian yang komprehensif tentang wanita dalam novel Melayu. Hal ini kerana kajian Siti Khariah mendakwa kajian-kajian ilmiah sedia ada kurang memberikan tumpuan terhadap mesej yang ingin disampaikan oleh para penulis wanita dalam karya-karya mereka. Bertitik tolak daripada dakwaan ini, kajian Siti Khariah ini disasarkan untuk menganalisis citra wanita daripada aspek sosiopolitik, sosioekonomi, dan sosiobudaya. Bagi mencapai objektif ini, Siti Khariah memilih untuk menerapkan satu kerangka analisis yang bersifat eklektik, yang menggabungkan prinsip-prinsip dalam teori feminism yang didasarkan kepada pandangan Elaine Showalter, selain menerapkan beberapa prinsip dalam teori psikologi, teori sosiologi dan teori moral. Kajian Siti Khariah menganalisis 15 novel daripada lima orang penulis wanita Melayu terpilih iaitu Khadijah Hashim, Zaharah Nawawi, Fatimah Busu, Rosmini Shaari dan Obasiah Haji Umar. Meskipun menerapkan satu kerangka kajian yang bersifat eklektik, namun kajian ini jelas memperakarkan keupayaan dan sumbangan teori feminism yang membolehkan analisisnya mengenal pasti aspek-aspek penting tentang wanita dalam novel-novel yang dikaji. Antaranya, kecenderungan novel-novel yang dikaji dalam memperagakan citra wanita berwawasan tinggi, citra wanita berkarisma, citra wanita gigih dan citra wanita yang berani menuntut hak dan kebebasan. Dengan kata lain, kajian Siti Khariah cenderung memperakarkan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian sastera Melayu.

Seterusnya, pengamatan ini menyoroti pula tesis kedoktoran Norhayati Ab. Rahman (seterusnya Norhayati) bertajuk “Puitika Sastera Wanita dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik” (2005). Kajian Norhayati ini kemudiannya diterbitkan sebagai buku dengan judul *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik* oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012. Buku ini memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM 2012) dan Anugerah Akademik Negara 2013 bagi kategori penerbitan buku. Kajian kedoktoran Norhayati ini bertitik tolak daripada permasalahan yang dibangkitkannya, iaitu karya-karya hasil nukilan para penulis wanita dikatakan mempunyai kelainan daripada segi gaya penulisan, berbanding karya para penulis lelaki. Dalam hal ini, kajian Norhayati mendakwa kelainan ini berkait rapat dengan pengalaman dan identiti diri wanita itu sendiri. Bertitik tolak daripada dakwaan ini, kajian Norhayati memilih untuk menerapkan teori feminism khususnya bacaan ginokritik yang digariskan oleh Elaine Showalter, yang dianggapnya dapat berlaku adil terhadap karya-karya sastera nukilan para penulis wanita. Ini kerana bacaan ginokritik oleh Showalter menekankan penelitian terhadap aspek biologi, bahasa, psikologi serta budaya dalam bacaan karya sastera nukilan para penulis wanita. Dari segi aspek biologi, bacaan ginokritik ini tidak menekankan masalah biologi, sebaliknya tertumpu kepada komitmen wanita sebagai pengarang, yang disokong oleh bahasa, sosial dan bentuk sastera. Manakala, dari aspek bahasa pula, bacaan ini menggesa wanita agar menggunakan bahasa dan gaya penulisan mereka sendiri bagi mengelakkan sebahagian daripada ciri-ciri “pemusatan terhadap lelaki” dalam karya mereka. Dalam konteks ini, bahasa wanita dikatakan lebih menjurus kepada matlamat untuk mengungkapkan kesedaran wanita khususnya yang berhubung dengan pengalaman wanita. Dari aspek psikologi, bacaan ini menumpukan kepada perlakuan watak-watak dalam karya yang dikaitkan dengan pengalaman dan peribadi penulis. Dalam hal ini, pengalaman kejiwaan tersebut yang akan menentukan

gaya, pemilihan persoalan dan cara pelukisan watak-watak dalam penulisan. Dan dari aspek budaya pula, bacaan ini menggabungkan idea tentang badan wanita, bahasa dan jiwa serta ditafsirkan dalam konteks hubungan sosial mereka. Apa yang ditekankan ialah bagaimana cara wanita membentuk konsep tubuh dan sifat seks mereka yang berkait rapat dengan persekitaran budaya mereka. Kesemua aspek ini dianggap dalam kajian Norhayati ini sebagai aspek-aspek yang bakal membezakan secara signifikan karya-karya para penulis lelaki dengan wanita. Bagi merealisasikan usaha ini, kajian Norhayati ini menetapkan tiga objektif, iaitu menganalisis proses penciptaan sastera dalam kalangan penulis wanita dengan menggunakan model-model dalam bacaan ginokritik. Kedua, menilai aspek-aspek kesejarahan dan ketidaksejajaran dalam proses penulisan antara para penulisan wanita Indonesia dan Malaysia, dengan menggunakan perspektif perbandingan puitika. Dan ketiga, memperlihatkan tahap-tahap keupayaan para penulis wanita Indonesia dan Malaysia dalam mencetuskan pembaharuan puitika sastera wanita. Bagi mencapai ketiga-tiga objektif ini, kajian Norhayati menganalisis novel-novel nukilan para penulis wanita Indonesia dan Malaysia. Novel-novel nukilan para penulis wanita Malaysia yang dikaji ialah *Isteri* (1988) karya Rosmini Shaari, *Menongkah Lumrah* (1996) karya Azmah Nordin, *Jalur Sinar di Cela Daun* (1981) karya Zaharah Nawawi dan *Salam Maria* (2004) karya Fatimah Busu. Dengan menerapkan bacaan ginokritik, kajian Norhayati merumuskan bahawa karya-karya nukilan para penulis wanita Indonesia dan Malaysia memanifestasikan pembaharuan dari segi gaya penulisan dan pengolahan isu berkaitan wanita. Pembaharuan inilah yang dianggapnya telah membezakan karya-karya para penulis wanita, dengan para penulis lelaki. Kajian Norhayati juga menjelaskan bahawa pembaharuan yang terserlah dalam karya-karya para penulis wanita Malaysia dimungkinkan oleh pengalaman, kreativiti dan imaginasi para penulis yang dipengaruhi oleh aspek biologi, aspek psikologi, aspek budaya dan aspek bahasa, yang kesemuanya merupakan aspek-aspek yang ditekankan dalam kaedah bacaan ginokritik. Ini bererti, penerapan teori feminism khususnya kaedah bacaan ginokritik dianggap mampu membantu usaha Norhayati dalam merungkaikan soal puitika wanita dalam novel-novel nukilan para penulis Indonesia dan Malaysia.

Seterusnya, nada-nada yang hampir sama turut dikesan dalam tesis kedoktoran Membunga@Siti Meriam Yaacob (seterusnya Membunga) bertajuk “Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas” (2005). Kajian Membunga ini kemudiannya diterbitkan oleh Penerbit Universiti Sains Malaysia dengan judul *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis* (2010). Kajian Membunga ini bertitik tolak daripada dakwaan kritikan feminis bahawa kebanyakan para penulis lelaki sering menampilkan watak wanita yang mempunyai kelemahan dan berimej stereotaip dalam karya mereka. Bertitik tolak daripada dakwaan ini, kajian Membunga ini bertujuan menganalisis perbezaan dan persamaan tanggapan Hamzah dan Keris Mas terhadap watak wanita dalam karya-karya sastera mereka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menilai sejauh mana faktor persekitaran mempengaruhi tanggapan kedua-dua penulis lelaki ini. Bagi mencapai objektif ini, kajian Membunga ini memilih untuk menerapkan teori feminism sebagai kerangka analisis. Pemilihan teori feminism ini diasaskan kepada matlamat Membunga untuk menilai kembali dakwaan golongan feminis yang menganggap para penulis lelaki sering memandang rendah, dan memberikan imej yang buruk kepada watak wanita dalam karya mereka. Dengan menjadikan teori feminism sebagai kerangka analisis, kajian Membunga ini menganalisis tujuh novel serta 42 cerpen karya Hamzah, dan tiga novel serta 32 cerpen karya Keris Mas. Kajian Membunga yang menerapkan teori feminism ini berhasil

mengenal pasti kesamaan tanggapan antara Hamzah dan Keris Mas dalam memanifestasikan citra watak-watak wanita. Dalam hal ini, karya kedua-dua penulis lelaki yang dikaji didapati masih meneruskan stereotaip wanita Melayu, yang antaranya digambarkan sebagai taat kepada suami dan takut menyuarakan keinginan peribadi dari segi cara berpakaian, pilihan kerjaya dan buah fikiran. Walau bagaimanapun, kajian Membunga juga mendapati beberapa karya Hamzah memperlihatkan keberanian dalam memecahkan stereotaip di atas. Ini jelas apabila terdapat beberapa cerpen Hamzah yang menurut Membunga memperagakan citra wanita yang berani menentang tradisi dan kelaziman masyarakat pada zamannya. Pemeragaan ini jelas apabila beberapa cerpen Hamzah menampilkan citra wanita moden yang tidak lagi tunduk kepada suami, selain berani menyarung pakaian, memilih pekerjaan dan menyuarakan pendapat yang bertentangan dengan tradisi dan amalan masyarakat pada zamannya. Dalam konteks ini, watak-watak wanita sedemikian rupa dilihat sebagai wanita yang peka terhadap perubahan dan perkembangan yang berlaku di sekeliling mereka, sebagaimana yang diperagakan dalam cerpen Hamzah berjudul *Kekuasaan dan Kekuatan* (1950), *Perempuan Gusti* (1951), *Fatimah Kahwin* (1951), *Hendak ke Mana Fatimah* (1952) dan *Fatimah Sebagai Isteri* (1952). Penerapan teori feminism membolehkan kajian Membunga memperakukan cerpen-cerpen Hamzah sebagai gambaran pembebasan wanita daripada cengkaman kaum lelaki, sebagaimana yang dijelaskannya:

Melalui kelima-lima cerpennya ini, Hamzah telah menggambarkan kesedaran wanita...khususnya supaya tidak bergantung kepada lelakinya sahaja dan tidak hanya mengikut telunjuk pihak lelaki sahaja (Membunga, 2010: 154).

Seterusnya, pengamatan ini meneliti tesis kedoktoran Yulduz Emiloglu (seterusnya Yulduz) bertajuk “Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu dengan Karya Penulis Wanita *Mahua* 1957-1982” (1995). Istilah *Mahua* di sini merujuk kepada kesusasteraan yang dihasilkan oleh para penulis Tionghoa di Malaysia. Kajian Yulduz ini bertitik tolak daripada pengamatan bahawa karya-karya para penulis wanita Melayu dan *Mahua* yang muncul sejak tahun 1930-an, hanya mula diterbitkan pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Sehubungan itu, kajian Yulduz ini membangkitkan hipotesisnya berkenaan sebab-sebab yang mendorong perkembangan tersebut. Antaranya, sejarah kesusasteraan yang ditulis oleh para penulis lelaki. Seterusnya ialah peranan para penulis lelaki dalam memilih dan mengumpulkan antologi sastera. Dan yang terakhir ialah dominasi sudut pandangan para pengkritik lelaki. Kajian Yulduz ini menghujahkan bahawa karya para penulis wanita terpinggir disebabkan oleh penguasaan para penulis dan pengkritik lelaki dalam kesusasteraan Melayu dan *Mahua*. Hujah ini dibuktikannya dengan menganalisis watak-watak wanita dalam kesusasteraan Melayu dan *Mahua* berdasarkan teori feminism. Hasil analisisnya mendapati bahawa para penulis sastera Melayu dan *Mahua* rata-rata memperlihatkan kecenderungan yang hampir serupa, terutamanya pada sikap serta cara dalam memperagakan watak-watak wanita. Ini merujuk kepada kecenderungan para penulis wanita dalam kedua-dua kesusasteraan yang cenderung menentukan haluan mereka sendiri dan membebaskan diri daripada sistem masyarakat *paternalistic* (masyarakat berasaskan fahaman “kebapaan” yang dianggap cenderung memihak kepada kaum lelaki). Dalam konteks ini, dapat difahami para penulis wanita Melayu dan *Mahua* melukiskan watak-watak lelaki dalam karya-karya mereka dengan sifat-sifat negatif seperti suka berfoya, tidak setia, tidak bertanggungjawab, ganas dan tidak menghormati wanita. Adalah jelas bahawa penemuan kajian Yulduz ini telah

menempatkan karya-karya para penulis wanita dalam kesusasteraan Melayu dan *Mahua* pada kedudukannya yang tidak lagi terpinggir oleh dominasi dan penguasaan para penulis dan pengkritik lelaki. Dapat dikatakan bahawa sumbangan kajian Yulduz ini dimungkinkan oleh penerapan teori feminism sebagai kerangka analisis. Dengan menerapkan kerangka ini juga, kajian Yulduz merumuskan bahawa pemikiran teori feminism mengisi karya-karya para penulis wanita Melayu dan *Mahua* selepas merdeka, sebagaimana yang ditulisnya:

Secara umumnya karya-karya penulis wanita selepas kemerdekaan didapati membawa pemikiran feminism. Mereka berjuang untuk menghadapi rintangan dan cabaran dalam masyarakat yang dikuasai oleh kaum lelaki (Yulduz, 1995: 411).

Selain daripada tesis kedoktoran dan sarjana, kecenderungan yang sama turut terserlah dalam beberapa makalah ilmiah yang diusahakan oleh beberapa sarjana dan pengkritik sastera. Antaranya, makalah Sohaimi Abdul Aziz (seterusnya Sohaimi) bertajuk “Wanita dan Imej Pandora dalam *Tivi*: Satu Kritik Feminis” (2003). Kajian Sohaimi ini bertitik tolak daripada dakwaan pengkritik feminis yang menganggap kebanyakan hasil nukilan para penulis lelaki cenderung untuk melukiskan imej wanita yang stereotaip dalam hasil nukilan mereka. Dalam hal ini, makalah Sohaimi ini berpendapat imej wanita yang stereotaip boleh dikenal pasti berdasarkan kepada tiga unsur iaitu pembawaan, peranan jantina dan status wanita. Makalah Sohaimi ini turut berpendapat bahawa kaum lelaki mempunyai tanggapan stereotaip terhadap wanita yang dianggap sebagai pengoda yang membawa kepada kesesatan dan kehancuran. Berdasarkan kepada dakwaan ini, makalah Sohaimi ini disasarkan untuk menganalisis imej wanita dalam novel *Tivi* (1995) karya Shahnon Ahmad dengan menerapkan kerangka teori feminism. Makalah yang menerapkan teori feminism ini berhasil mengenal pasti kecenderungan novel yang dikaji, yang didapati memanifestasikan imej negatif wanita sebagai pengoda kepada kaum lelaki. Dalam konteks ini, makalah Sohaimi ini merumuskan bahawa imej wanita yang stereotaip terus disenangi oleh penulis novel ini, dan kehadiran imej tersebut dilihat sebagai hukuman kepada manusia yang rapuh serta tipis pendidikan agamanya. Lebih penting lagi, makalah Sohaimi ini merumuskan bahawa watak-watak wanita yang berimej pengoda, sebagaimana yang diperagakan dalam novel ini adalah bertepatan dengan imej Pandora, iaitu satu watak wanita dalam antropologi Greek yang ditugaskan untuk membawa kemusnahan kepada kaum lelaki dengan imejnya sebagai seorang pengoda. Dalam hal ini, Sohaimi berpendapat bahawa pemaparan watak wanita yang sedemikian telah menjadikan penerapan teori feminism relevan dalam pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang dijelaskannya:

Walau bagaimanapun, yang jelas pengarang lelaki seperti Shahnon Ahmad dan A. Samad Said dengan karya mereka yang memaparkan watak wanita akan terus membuka ruang kepada pendekatan kritik feminis, sesungguhnya pendekatan ini tidak diterima oleh golongan feminis seperti Cixous. Dengan kata lain, pendekatan kritik feminis masih utuh dalam kritik feminis selagi masih ada pengarang lelaki yang menggarapkan watak wanita dalam karya mereka [Garisan ditambah] (Sohaimi, 2003: 45).

Seterusnya, pengamatan ini meneliti kajian Siti Aisah Murad (seterusnya Siti Aisah) bertajuk “Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki” (2006). Makalah Siti Aisah ini bertitik tolak daripada tanggapan umum dalam kesusasteraan Melayu bahawa para penulis lelaki dikatakan cenderung menggambarkan wanita dalam karya-karya mereka dengan citra-citra yang negatif. Oleh itu, makalah Siti Aisah ini menggunakan beberapa novel para penulis lelaki Melayu bagi menganalisis citra wanita. Novel-novel karya para penulis lelaki yang dianalisis ialah *Hikayat Faridah Hanom* (1925) karya Al-Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi, *Iakah Salmah?* (1929) karya Ahmad Rashid Talu, *Ustazah* (1950) karya Ahmad Lutfi, *Rumah Itu Dunia Aku* (1950) karya Hamzah Hussin, *Korban Kesuciannya* (1949) karya Keris Mas, *Salina* (1961) karya A. Samad Said, *Kembang di Taman Layu di Tangan* (1966) karya Ruhi Hayat, *Sandera* (1971) karya Arena Wati, *Sakura Mengorak Kelopak* (1987) karya Arena Wati, *Pantai Harapan* (1990) karya Arena Wati, *Wajah Seorang Wanita* (1990) karya S. Othman Kelantan, *Citra* (1991) karya Arena Wati, *Sarida* (1992) karya Arena Wati dan *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnon Ahmad. Bagi menganalisis karya-karya ini, makalah Siti Aisah memilih teori feminism sebagai kerangka analisis. Penerapan teori feminism ini berhasil mengenal pasti kecenderungan para penulis lelaki yang dikaji yang didapati cenderung memanifestasikan citra wanita berkarsma, citra wanita berani, citra wanita berpelajaran tinggi dan citra wanita progresif. Secara khusus, merujuk kepada novel *Hikayat Faridah Hanom* oleh Al-Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi, makalah Siti Aisah memperakarkan watak protagonisnya, Faridah Hanom sebagai seorang wanita yang progresif, berpengetahuan dan rela memperjuangkan nasib bangsanya. Siti Aisah turut menyatakan bahawa watak Faridah Hanom dalam novel tersebut tidak lagi digambarkan secara stereotaip dan terlepas daripada pencitraan yang sendeng kepada kaum lelaki. Sehubungan itu, makalah Siti Aisah menyimpulkan bahawa para penulis lelaki Melayu mempunyai persepsi yang positif terhadap wanita, sebagaimana yang disimpulkannya:

Tidak dinafikan bahawa, penulis lelaki boleh melukiskan apa-apa sahaja watak untuk karya sastera ciptaannya. Namun, apabila diteliti, penulis lelaki juga tetap mempunyai tanggapan yang baik kepada watak wanita, bukan hanya menyebut wanita itu negatif atau wanita itu stereotaip (Siti Aisah, 2006: 31).

Sesungguhnya, kesimpulan makalah Siti Aisah ini penting kerana ia sekali gus menyanggah tanggapan umum yang mendakwa para penulis lelaki cenderung mempamerkan citra wanita yang negatif. Hakikat bahawa makalah Siti Aisah ini menerapkan teori feminism yang membolehkannya untuk menyanggah tanggapan umum, dengan sendirinya menyerlahkan kemampuan dan sumbangan teori feminism dalam menghasilkan penemuan baru dalam pengkajian karya-karya sastera Melayu.

Pengamatan seterusnya meneliti makalah Ruzy Suliza Hashim dan Shahiza Ismail Hamdan (seterusnya Ruzy Suliza dan Shahiza) bertajuk “*Ikhtiar Wanita: A Multidisciplinary Reading of Female Agency in Pre-Independence Malay Novels*” (2006). Makalah Ruzy Suliza dan Shahiza ini bertitik tolak daripada dakwaan pengkritik feminis bahawa wanita dalam sistem patriarki tidak mempunyai keupayaan dalam menentukan pilihan atau disebut sebagai *female agency* yang terjemahkan sebagai “ikhtiar wanita”. Kajian Ruzy Suliza dan Shahizah ini berpendapat bahawa ikhtiar wanita adalah konsep yang asing dalam masyarakat Melayu sebelum merdeka

kerana masyarakat zaman tersebut dilingkungi dengan ideologi patriarki. Berdasarkan kepada dakwaan ini, makalah Ruzy Suliza dan Shahizah ini menganalisis ikhtiar wanita dalam novel-novel Melayu dari perspektif teori feminism. Bagi mencapai objektif ini, kajian Ruzy Suliza dan Shahizah menerapkan teori feminism bagi menganalisis novel *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* (1927) karya Ahmad Kotot, *Iakah Salmah?* (1929) karya Ahmad Rashid Talu, *Mencari Isteri* (1929) karya Muhammad Yusuf Ahmad dan *Melati Sarawak* (1932) karya Ahmad Rakawi Yusuf. Penerapan teori feminism ini membolehkan kajian Ruzy Suliza dan Shahizah ini mengenal pasti kecenderungan novel-novel yang dikaji dalam memanifestasikan watak wanita yang mempunyai ikhtiar, walaupun mereka hidup dalam masyarakat yang mengamalkan patriarki. Umpamanya, menerusi novel *Iakah Salmah?*, watak protagonis Salmah digambarkan berani mengkritik dan menyuarakan pendapatnya kepada penduduk kampung. Merujuk kepada manifestasi cerita ini, Ruzy Suliza dan Shahizah menganggap *Iakah Salmah?* menyerahkan watak wanita yang berani mencari ikhtiar wanita, berbanding dengan watak wanita lain yang digambarkan memiliki sikap yang sangat pemalu, sebagaimana yang dijelaskan mereka dalam petikan berikut:

*In one particular scene, thinking that her father plans to be idle after retirement, Salmah gently advises Cik Hussin at their reunion, “Itu silap, ayah! Tuhan benci kepada hambanya yang duduk diam sahaja” (Ahmad Rashid Talu, 1929:111). Here, Salmah’s characterization by Ahmad Rashid Talu is portrayed in stark contrast to the other female characters in the novel who are traditionally silent and constantly appearing only as backdrop to the novel. They are portrayed as extremely shy to the point of not wanting to come out from their rooms to meet Cik Hussin... This conduct is common amongst Malay women of the traditional mindset as society expects them to behave like that and the portrayal shows that they are extremely lacking in agency* (Ruzy Suliza dan Shahizah, 2006: 324).

Lebih penting lagi, kajian Ruzy Suliza dan Shahizah ini memperakukan *Iakah Salmah?* sebagai karya yang membawa nilai-nilai kemodenan dalam masyarakat melalui pemeragaan protagonisnya yang moden, tetapi diterima baik oleh masyarakatnya, sebagaimana yang mereka rumuskan dalam petikan berikut:

*Iakah Salmah? tries to project a new kind of society. Salmah is portrayed as an educated young woman not afraid to voice out her opinions. As a result Salmah is modern but she is able to fit in with the society of the 1920s. It does seem a bit idealistic, but Ahmad Rashid too has to fit in with the 1920s, a society struggling with modernity* (Ruzy Suliza dan Shahizah, 2006: 325).

Seterusnya, pengamatan ini meneliti makalah Siti Hajar Che Man (seterusnya Siti Hajar) bertajuk “Wanita Melayu Dari Perspektif Aliran Feminisme: Kajian Terhadap Cerpen-Cerpen Melayu” (2007). Makalah Siti Hajar ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kebanyakan hasil nukilan para penulis lelaki membicarakan persoalan wanita yang direpresentasikan sebagai watak yang berada di bawah cengkaman patriarki. Bertitik tolak daripada hipotesis ini, makalah Siti Hajar ini menganalisis kedudukan watak wanita dalam cerpen “Perempuan” (1961) karya Anis Sabirin dan cerpen

“Perempuan” (1973) karya Shahnon Ahmad, berdasarkan kerangka feminism. Analisis Siti Hajar berhasil mengenal pasti kecenderungan cerpen “Perempuan” karya Shahnon Ahmad yang didapati memanifestasikan watak wanita yang berperibadi baik, akur dengan suruhan kedua ibu bapanya, serta pandai menjaga maruah diri sebagai watak yang terperangkap dalam cengkaman patriarki. Makalah Siti Hajar ini turut mengenal pasti kecenderungan cerpen “Perempuan” karya Anis Sabirin, yang didapati memanifestasikan watak wanita yang menjadi perempuan simpanan sebagai watak yang berusaha untuk membebaskan diri daripada terus berada di bawah kawalan patriarki. Berdasarkan hujah ini, makalah Siti Hajar merumuskan bahawa Anis Sabirin dilihat cuba mendedahkan kebebasan dan keberanian gadis berusia 17 tahun yang menginginkan kemewahan. Justeru, makalah Siti Hajar ini merumuskan bahawa kedua-dua watak wanita dalam cerpen-cerpen yang dikaji jelas memperlihatkan kedudukan wanita yang masih terikat dengan patriarki, sebagaimana yang dijelaskannya, “Hakikatnya kedua-dua buah cerpen ini memperlihatkan kedudukan wanita dikarang bawah pengaruh patriarki” (Siti Hajar, 2007a: 133). Adalah jelas bahawa penerapan teori feminism telah membolehkan tercapainya rumusan tersebut.

Seterusnya, dalam makalahnya yang lain pula, Siti Hajar dilihat masih membangkitkan kecenderungan yang sama. Umpamanya dalam makalah beliau bertajuk “*Isteri*: Sifat Ketenangan dan Persaudaraan Wanita Dilihat Daripada Kerangka Hubungan Jantina” (2007), Siti Hajar menghujahkan bahawa novel *Isteri* (1988) karya novelis wanita, Rosmini Shaari bersifat terbuka dalam mengemukakan masalah hubungan rumah tangga. Novel Rosmini ini juga dikatakan berani dalam mengemukakan imej wanita yang memburu seorang lelaki. Dengan hujah ini, makalah Siti Hajar ini menganalisis watak-watak wanita dalam *Isteri* (1988) karya Rosmini Shaari dengan menerapkan bacaan ginokritik oleh Elaine Showalter. Penerapan bacaan ini membolehkan makalah Siti Hajar mengenal pasti kecenderungan novel yang dikaji dalam memanifestasikan watak wanita yang berani. Secara khusus, keberanian ini merujuk kepada keberanian dalam menuntut kebebasan daripada kongkongan kaum lelaki. Novel ini juga dianggap mencabar stereotaip tentang peranan wanita sebagai pendamping kaum lelaki. Makalah Siti Hajar juga mendapati bahawa protagonis novel iaitu watak Nora yang meskipun berperanan sebagai objek pemusuhan nafsu lelaki, akan tetapi tetap mempunyai hak untuk memilih pasangan hidupnya. Makalah Siti Hajar turut menyimpulkan bahawa novel *Isteri* terhasil daripada pengalaman novelisnya, yang merupakan seorang wanita yang tidak lagi terikat dengan stereotaip-stereotaip tertentu, sebagaimana yang ditulisnya, “Sebagai kesimpulan, Rosmini mencipta novel *Isteri* dengan pengalamannya sebagai seorang wanita. Penampilan watak wanita yang stereotaip tidak diketengahkan...” (Siti Hajar, 2007b: 157). Dapat dikatakan bahawa kesimpulan ini dimungkinkan dengan penerapan feminism sebagai kerangka analisis.

Pengamatan seterusnya meneliti makalah juga tulisan Siti Hajar yang berjudul “Keperkasaan Wanita dalam *Harga Sebuah Maruah*” (2009). Makalah ini bertitik tolak daripada dakwaan bahawa kebanyakan para penulis lelaki jarang menampilkan wanita sebagai watak utama dalam karya-karya mereka. Selain itu, makalah ini juga bertitik tolak daripada dakwaan pengkritik feminis yang rata-rata menganggap wanita menjadi bahan inspirasi para penulis lelaki dalam berkarya. Berdasarkan kepada dakwaan ini, kajian Siti Hajar disasarkan untuk menganalisis citra wanita dalam novel *Harga Sebuah Maruah* (2009) karya Azizi Hj. Abdullah dengan menerapkan kerangka feminism. Kajian ini berhasil mengenal pasti kecenderungan novel yang dikaji dalam

merepresentasikan wanita yang bebas daripada cengkaman patriarki melalui pencitraannya sebagai “wanita perkasa” (ungkapan Siti Hajar) yang berani, sabar, berjiwa kental, setia dan berdikari, sebagaimana yang dijelaskannya:

Menerusi novel ini juga saya dapat menyimpulkan bahawa Pak Azizi telah membebaskan wanita dari kepungan patriarki lalu membina watak Cah yang perkasa... Saya [merujuk Siti Hajar] yakin menerusi novel *Harga Sebuah Maruah* ini Pak Azizi telah menenggelamkan amalan patriarki yang selama ini menyifatkan, *patriarchal thought has limited female biology to its narrow specifications* (Siti Hajar, 2009: 4-5).

Pengamatan ini meneliti pula makalah Norhayati Ab. Rahman (seterusnya Norhayati) bertajuk “Pemartabatan Wanita dalam *Lentera Mustika*: Daripada Lensa Feminis” (2012). Makalah Norhayati ini bertitik tolak daripada dakwaan Norhayati bahawa kebanyakan karya sastera oleh penulis lelaki sering menggambarkan wanita dengan imej yang stereotaip. Karya-karya para penulis lelaki juga dikatakan turut meminggirkan pengalaman serta suara wanita, selain cenderung terhadap cerita-cerita yang “sendeng-lelaki” (*male-centredness*). Oleh sebab itu, makalah Norhayati ini mengajukan hipotesis bahawa kisah-kisah mengenai kaum wanita yang dinukilkhan oleh para penulis wanita adalah lebih tulus (*genuine*) dan berkesan, berbanding penulis lelaki. Sehubungan itu, makalah Norhayati ini menganalisis watak-watak wanita dalam novel *Lentera Mustika* (2009) karya Nisah Haron, dengan menerapkan prinsip-prinsip feminisme yang digariskan oleh Cheri Register. Prinsip-prinsip ini merujuk kepada karya sastera dimanfaatkan sebagai forum dalam membicarakan tentang wanita, karya sastera juga dianggap dapat memainkan peranan dalam menimbulkan persefahaman budaya lelaki-wanita, mengajukan watak-watak wanita yang dapat dijadikan contoh, dan memupuk semangat “persaudaraan-wanita” (*sisterhood*), dan seterusnya menimbulkan kesedaran pembaca tentang perjuangan wanita (Norhayati, 2012: 114). Dengan menerapkan prinsip-prinsip ini, analisis Norhayati merumuskan bahawa novel *Lentera Mustika* memainkan peranan sebagai forum yang membicarakan persoalan wanita. Menurutnya, hal ini jelas apabila novel tersebut mengangkat kedudukan dan martabat wanita melalui watak Ainur Mustika, Dahlia, Jasmarina dan Badariah yang dianggapnya telah dicitrakan sebagai wanita yang berpendidikan, berkerjaya dan bijak menangani masalah. Selain itu, novel ini juga dianggap memainkan peranan dalam mengujudkan persefahaman antara wanita dan lelaki, dan memperagakan watak-watak protagonis wanita yang bersemangat waja serta mampu ditampilkan sebagai “contoh ikutan” (*role model*). Novel ini dianggap turut membangkitkan soal ikatan persaudaraan-wanita, selain menyajikan kisah-kisah yang dianggap mampu memberi kesedaran kepada kaum wanita. Penerapan lima prinsip teori feminism oleh Cheri Register ini jelas telah membolehkan kajian Norhayati untuk menampilkan *Lentera Mustika* sebagai sebuah novel feminis yang memperjuangkan wanita, sebagaimana yang disimpulkannya:

Berdasarkan perbincangan, *Lentera Mustika* oleh Nisah Haron adalah sebuah novel yang boleh dikategorikan sebagai karya berunsur feminis, khususnya mengikut takrifan dan pendekatan feminis Cheri Register. Hal ini demikian kerana tema dan persoalan yang diangkat melalui novel ini adalah jelas bertujuan mengangkat kedudukan dan martabat wanita... (Norhayati, 2012: 127).

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada makalah Amida@Hamidah Abdulhamid (seterusnya Amida) bertajuk “Feminisme: Antara Ilusi dengan Realiti” (2003). Makalah Amida ini membangkitkan persoalan tentang para penulis lelaki yang dikatakan sering kali mentafsirkan teori feminism sebagai usaha untuk melebihkan kedudukan kaum wanita daripada lelaki. Dengan persoalan ini, makalah Amida menghujahkan bahawa feminism merupakan perjuangan wanita ke arah meningkatkan martabat dan status wanita dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Justeru, apa yang dituntut oleh feminism pada pandangannya ialah persamaan hak yang setara dengan kaum lelaki. Dengan hujah ini, makalah Amida ini bertujuan mengenal pasti pemikiran teori feminism dan menilai pencapaian teori feminism, sebagaimana yang dimanifestasikan dalam novel-novel Melayu. Antara novel Melayu yang dikajinya ialah *Hikayat Faridah Hanom* (1925) karya Al-Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi, *Iakah Salmah?* (1929) karya Ahmad Rashid Talu, *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnon Ahmad, *Salina* (1961) karya A. Samad Said, *Jalur Sinar di Celah Daun* (1981) karya Zaharah Nawawi, *Senator Adila* (1992) karya Khadijah Hashim, *Bahawa Hidup Itulah Cintaku* (1994) karya Anis Sabirin, *Orang Perjuangan* (1994) karya Zaharah Nawawi, *Hadiyah* (1971) karya Yahaya Ismail, *Salji Masih Lebat* (1981) karya Habsah Hassan dan *Tamunya Seorang Menteri* (1972) karya S. Othman Kelantan. Analisis Amida berhasil mengenal pasti manifestasi pemikiran feminism dalam novel-novel Melayu yang dikaji. Manifestasi ini menurutnya jelas dalam cerita-cerita yang menampilkan watak-watak wanita yang menyimpang daripada stereotaip wanita Melayu seperti imej wanita berpendidikan, berwawasan, berjaya dalam kerjaya serta berani menuntut hak dan kebebasan mereka. Walau bagaimanapun, analisis Amida turut mengenal pasti gambaran watak-watak wanita yang masih terikat dengan stereotaip seperti imej wanita sebagai objek seks, imej wanita yang bergantung kepada suami, imej wanita mata duitan dan wanita yang emosional. Berdasarkan kepada hasil analisis ini, makalah Amida menyeru supaya kaum wanita dianggap dan ditangani setara dengan kaum lelaki. Seruan Amida ini jelas memperlihatkan kecenderungannya terhadap feminism. Kecenderungan ini lebih ketara apabila beliau melahirkan kegusaran seandainya “realiti feminism” (ungkapan Amida sendiri) tidak terjelma dalam karya kreatif, sebagaimana yang disimpulkannya:

Selagi pandangan jagat sedemikian rupa subur dan teguh dipegang, maka seberapa tinggi pun pencapaian wanita, kecemerlangan itu tidak akan diyakini dan tidak akan dirakam dalam lipatan cereka. Jika keadaan sedemikian berpanjangan, realiti feminism yang semakin hari semakin cemerlang di depan mata akan menjadi ilusi di arena cereka (Amida, 2003: 148).

Perbincangan pada tahap ini berusaha memperlihatkan kecenderungan kajian-kajian ilmiah di atas yang rata-rata memperakarkan sumbangan dan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian karya sastera Melayu. Kajian-kajian ilmiah yang diamati di atas kesemuanya memperlihatkan corak dapatan yang cenderung memperakarkan sumbangan dan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian karya sastera Melayu.

Kedua, pengamatan turut mengenal pasti corak dapatan kajian-kajian ilmiah yang menganggap penerapan teori feminism dalam pengkajian kesusteraan Melayu itu relevan, tetapi menuntut kepada penyesuaian berdasarkan budaya Melayu dan agama Islam. Corak dapatan ini antaranya diperlihatkan dalam tesis kedoktoran Siti Hajar Che

Man (seterusnya Siti Hajar) bertajuk “Feminisme dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Bacaan Showalter” (1999). Sebagaimana yang jelas diperikan pada judulnya, tesis kedoktoran Siti Hajar ini menerapkan apa yang diungkapkannya sebagai “wacana feminism” yang terangkum di dalamnya teori feminism dan bacaan ginokritik cetusan Elaine Showalter. Kajian Siti Hajar ini membangkitkan permasalahan tentang perlunya pengubahsuaian dalam wacana feminism berdasarkan nilai-nilai kebudayaan tempatan, atau dalam konteks kajian ini ialah nilai-nilai kebudayaan masyarakat Melayu-Islam. Walau bagaimanapun, penerapan nilai-nilai Melayu-Islam ini masih berlebar pada teras utama dalam wacana feminism iaitu soal perbezaan gender, ras, kuasa, emansipasi dan patriarki. Dengan teras ini, kajian Siti Hajar ini berhasrat menstrukturkan semula wacana feminism. Kajian Siti Hajar ini menegaskan bahawa tidak semua prinsip dalam wacana feminism yang dicetuskan di Barat itu sesuai dan boleh ditiru. Dengan kata lain, penggunaan dan penerapan wacana feminism menuntut kepada penyesuaian dengan budaya dan agama. Kajian Siti Hajar ini menyasarkan dua objektif, iaitu menganalisis semula kesignifikan tipainduk wanita dalam karya hikayat dan sastera sejarah, serta menstrukturkan semula wacana feminism berdasarkan budaya Melayu-Islam. Untuk itu, kajian Siti Hajar ini menganalisis karya-karya sastera tradisional seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Syamsul Anuar* dan *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Selain itu, turut dimanfaatkan sebagai bahan kajian ialah beberapa novel Melayu seperti *Hikayat Faridah Hanom* (1925) karya Al-Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi, *Hikayat Kasih Percintaan Kasih Kemudaan* (1928) karya Ahmad Kotot, *Iakah Salmah?* (1929) karya Ahmad Rashid Talu, *Acuman Mahkota* (1930) karya Abdul Kadir Adabi Ahmad, *Salina* (1961) karya A. Samad Said, *Jalur Sinar di Celah Daun* (1981) karya Zaharah Nawawi, *Perempuan di Lereng Bukit* (1984) karya Siti Hawa Hassan, *Isteri* (1988) karya Rosmini Shaari, *Wajah Seorang Wanita* (1990) karya S. Othman Kelantan, *Citra* (1991) karya Arena Wati, *Sutan Baginda* (1989) dan *Tivi* (1995) yang kedua-duanya karya Shahnon Ahmad. Dengan menerapkan wacana feminism, analisis Siti Hajar mengenal pasti pemikiran emansipasi, keperkasaan, persaudaraan dan suara wanita dalam karya-karya sastera Melayu yang dikaji. Dengan menerapkan wacana feminism juga, kajian Siti Hajar ini berhasil mengenal pasti kecenderungan novel-novel Melayu yang dikaji dalam memanifestasikan citra watak-watak wanita Melayu yang tidak terikat dengan model androsentrik, yakni “pemusatan terhadap lelaki” seperti citra wanita yang mempunyai sejarah, citra wanita berpengalaman dan citra wanita berbudaya. Sesungguhnya, penemuan-penemuan ini dianggap penting kerana ia sekali gus menyangkal dakwaan bahawa fahaman Feminisme hanya wujud dan dipraktikkan di Eropah dan Amerika sahaja, sebagaimana yang dihujahkan oleh Siti Hajar dalam petikan di bawah:

Gagasan feminism itu sendiri amat berkaitan dengan realiti kehidupan bukan hanya di Eropah dan Amerika tetapi juga di rantau Nusantara. Aplikasi kedua-dua teori ini membuktikan bahawa asas dan gagasan feminism telah pun bermula di rantau Alam Melayu sejak abad ke-14 lagi. Gagasan feminism di Eropah dan Amerika dijalankan secara meluas, radikal dan lantang. Manakala di rantau sebelah Timur, gagasan feminism tetap ada tetapi strateginya lebih halus dan bersopan, sebagaimana yang terbukti menerusi karya-karya sastera Melayu tradisional (Siti Hajar, 1999: 180).

Walau bagaimanapun, kajian Siti Hajar menganggap bahawa dalam konteks kesusasteraan Melayu, wacana feminism termasuk kaedah bacaan ginokritik perlu

disaring dan disesuaikan dengan budaya Melayu dan agama Islam, sebagaimana yang dijelaskannya:

...saya [Siti Hajar] menyarankan bahawa tidak semua ajaran, pandangan, perjuangan dan corak tentang feminism di Eropah dan Amerika boleh ditiru tanpa dibuat penyaringan. Persoalan ini berakar kepada sejarah, pengalaman penjajahan, lokasi, agama, budaya dan asal-usul antara Timur dan Barat amat berbeza. Justeru itu, teori ini perlu dinilai, distruktur dan dikaji semula secara kritis dalam konteks wanita Melayu-Islam di Malaysia (Siti Hajar, 1999: 7).

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana oleh Nor Razana Daud (seterusnya Nor Razana) bertajuk “Wanita dalam Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin: Dari Perspektif Ginokritik” (2009). Kajian Nor Razana ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa karya-karya Melayu hasil nukilan para penulis lelaki kurang berjaya memaparkan ekspresi pengalaman sebenar kaum wanita. Dalam konteks ini, kajian Nor Razana menganggap kebanyakan persoalan yang dibangkitkan dalam karya-karya penulis lelaki tidak mencerminkan suara hati kaum wanita. Bertitik tolak daripada dakwaan ini, kajian Nor Razana memilih untuk menerapkan bacaan ginokritik yang digariskan oleh Elaine Showalter bagi menganalisis tiga novel Azmah Nordin bertajuk *Dari Dalam Cermin* (1992), *Menongkah Lumrah* (2001) dan *Mega Nisaa* (2005). Kajian Nor Razana ini menetapkan tiga objektif, iaitu mengenal pasti watak dan perwatakan wanita dalam novel-novel kajian, menganalisis aspek-aspek penulisan wanita dengan menerapkan bacaan ginokritik, dan seterusnya menilai kesesuaian bacaan ginokritik dalam menganalisis novel-novel yang dikaji. Analisis Nor Razana, antaranya berhasil mengenal pasti kecenderungan novel-novel yang dikaji dalam memanifestasikan citra watak wanita yang kental dan tabah dalam menempuh liku-liku kehidupan. Dengan menerapkan bacaan ginokritik pula, kajian Nor Razana merumuskan bahawa gaya penulisan Azmah Nordin adalah bertepatan dengan bacaan ginokritik, sebagaimana yang terserlah pada gaya penulisan Azmah Nordin yang menyentuh soal fizikal wanita, diskriminasi gender dan eksplorasi patriarki. Lebih penting lagi, kajian Nor Razana ini merumuskan bahawa pemilihan bacaan ginokritik sebagai kerangka analisis adalah tepat dan sesuai, sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:

Berpandukan analisis yang telah dijalankan ke atas watak dan perwatakan wanita dalam setiap novel terpilih Azmah Nordin, kajian ini berjaya membuktikan bahawa teori ginokritik amat bersesuaian untuk diterapkan bagi tujuan aplikasi dan menganalisis watak wanita dalam teks-teks tersebut. Hal ini terbukti berdasarkan penemuan elemen-elemen yang dinyatakan oleh Showalter dalam setiap model-model dalam teori ginokritik yang selari dengan contoh-contoh yang dijumpai sepanjang kajian ini dijalankan (Nor Razana, 2009: 113).

Meskipun sesuai, kajian Nor Razana tetap menganggap bahawa penerapan bacaan ginokritik masih perlu disesuaikan dengan nilai-nilai wanita Timur, sebagaimana yang disimpulkan dalam petikan di bawah ini:

Ternyata model-model yang dicipta di bawah teori ginokritik adalah untuk melihat penulisan wanita berkaitan dengan dunia kewanitaan daripada aspek pengarang wanita itu sendiri. Walau bagaimanapun, tidak semua model dalam teori ini dapat digunakan dalam meneliti sastera wanita di Malaysia. Hal ini kerana model ini telah dibina mengikut acuan Barat, maka pelaksanaannya ada yang tidak sesuai dengan penulisan wanita di Timur seperti persoalan yang menafikan lelaki sebagai ketua dan penggunaan bahasa yang terbuka oleh wanita, kerana ianya tidak diterapkan dalam nilai wanita Timur (Nor Razana, 2009: 114).

Dapatan Nor Razana yang dikutip di atas menyerlahkan pandangannya bahawa teori feminism masih relevan dalam pengkajian kesusasteraan Melayu, tetapi menuntut kepada penyesuaian berdasarkan budaya dan agama Islam.

Ketiga dan terakhir ialah corak dapatan yang mempertikaikan serta menolak penerapan teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Pertikaian atau penolakan ini rata-rata berteraskan hujah bahawa teori feminism yang tercetus dari Barat ini tidak bersesuaian atau bertentangan dengan kebudayaan Melayu dan prinsip Islam yang menunjangi kegiatan penulisan karya sastera Melayu. Corak dapatan ini antaranya terserlah dalam makalah Chew Fong Peng (seterusnya Fong Peng) bertajuk “Citra Wanita Melayu Moden dalam Novel *Surat-Surat Perempuan Johor*: Kajian Pendekatan Feminisme” (2007). Dengan menjadikan novel *Surat-Surat Perempuan Johor* (2005) (seterusnya SSPJ) karya Faisal Tehrani sebagai bahan kajian, makalah Fong Peng ini membangkitkan persoalan tentang citra wanita yang ditampilkan dalam karya penulis lelaki seperti Faisal Tehrani. Persoalan ini ditimbulkan daripada hujah feminism yang rata-rata menganggap karya para penulis lelaki tidak mampu merakamkan secara tepat tentang pergolakan wanita, dan justeru cenderung memperagakan citra wanita secara negatif, dan kemudiannya menjadi stereotaip. Dalam konteks hujah ini, makalah Fong Peng hadir dengan hipotesisnya yang menganggap novel SSPJ tidak lagi terikat dengan stereotaip wanita Melayu. Dengan menerapkan feminism, makalah Fong Peng menyimpulkan bahawa novel Faisal Tehrani ini memanifestasikan citra wanita positif seperti citra wanita berpendidikan, citra wanita kuat beragama, citra wanita tabah, citra wanita berkerjaya dan citra isteri yang setia. Dengan citra-citra positif ini, kajian Fong Peng merumuskan bahawa Faisal Tehrani sebagai penulis lelaki bukan sahaja menongkah stereotaip wanita Melayu, tetapi dan lebih penting lagi menyanggah hujah teori feminism bahawa para penulis lelaki hanya memperkuuhkan stereotaip tentang wanita. Dengan mengajukan novel SSPJ karya Faisal Tehrani sebagai contoh, kajian Fong Peng menghujahkan bahawa hujah feminism tentang sifat sendeng (*bias*) para penulis lelaki tidak lagi relevan, sebagaimana yang disimpulkannya:

Secara keseluruhannya, kehidupan dan dunia wanita dalam novel SSPJ telah dirubah dengan melibatkan peranan wanita dalam usaha perjuangan mencari kebenaran dan mengembalikan akar umbi bangsa kepada ajaran Islam. Di tangan Faisal Tehrani, wanita dalam novel SSPJ telah menterbalikkan teori Showalter, iaitu *feminist critique* justeru wanitanya tidak hanya bercitra stereotaip dan berlaku pula

kompleksiti jiwa yang jelas pada diri Ungku Nur. Oleh itu, Teori Showalter didapati tidaklah bersifat mutlak kebenarannya kerana novelis lelaki juga boleh dan mampu mempotret citra wanita yang bersifat positif dan berfikiran terdepan. Kemampuan penulis lelaki meningkatkan kedudukan wanita sama seperti penulis wanita, malahan mengatasi wanita dalam novel *SSPJ* dengan persoalan yang lebih rencam dan pelbagai (Fong Peng, 2007: 74).

Seterusnya, pengamatan ini turut meneliti makalah Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) bertajuk “Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes” (2012). Makalah Ungku Maimunah ini menghujahkan tentang kerelevan teori feminism dalam pengkajian sastera Melayu, dengan membahaskan dapatan kajian Siti Hajar Che Man (seterusnya Siti Hajar) terhadap novel *Harga Sebuah Maruah* (2007) karya Azizi Hj. Abdullah. Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, novel Azizi Hj. Abdullah ini dianggap oleh Siti Hajar sebagai sebuah novel yang membebaskan watak wanita daripada cengkaman patriarki. Sehubungan itu, makalah Ungku Maimunah menganalisis novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah, dan seterusnya menilai keupayaan feminism sebagai satu kerangka analisis yang sesuai dalam pengkajian kesusastraan Melayu. Bagi mencapai objektif-objektif ini, analisis Ungku Maimunah menerapkan gagasan Persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan, seorang pengkritik dan penulis kreatif di Malaysia. Gagasan Persuratan Baru memperakukan pemikiran yang diajukan dalam bentuk wacana ilmiah. Hal ini berbeza dengan feminism yang menurut Ungku Maimunah memperakukan bacaan yang hanya bersandarkan pada manifestasi cerita secara literal khususnya paparan konflik kehidupan yang dilalui oleh watak protagonis wanita. Dalam konteks ini, Ungku Maimunah menganggap feminism sebagai satu teori yang tidak kritis dan substantif kerana memperakukan manifestasi cerita. Ungku Maimunah juga berpendapat bahawa tafsiran serta kesimpulan yang dikemukakan dalam kajian-kajian ilmiah yang menerapkan feminism sebenarnya tetap mampu dicapai melalui penerapan teori atau kerangka analisis selain feminism. Dalam konteks ini, makalah Ungku Maimunah ini merumuskan bahawa penerapan feminism sebagai kerangka bagi menganalisis karya-karya sastera Melayu, sebenarnya tidak menawarkan kelebihan ilmiah, sebagaimana yang disimpulkan oleh Ungku Maimunah:

....penerapan teori feminis untuk urusan rungkaiann *HSM* [merujuk novel *Harga Sebuah Maruah*] jelas tidak diperlukan. Ternyata penemuan yang diperoleh melalui penerapan teori feminis itu dengan mudah boleh dicapai melalui bacaan biasa di tahap literal atau harfiah sahaja, dengan itu menjadikan penggunaan teori feminis tidak relevan. Begitu juga, dakwaan tentang anjakan yang Azizi lakukan melalui *HSM*, yakni dakwaan atau penemuan yang dimungkinkan oleh penerapan teori feminis, jelas tidak dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Malah, dalam banyak hal penemuan yang diajukan itu dibuktikan bukan sahaja goyah tetapi dapat disanggah dengan mudah (Ungku Maimunah, 2012: 1224).

Selanjutnya, pengamatan beralih kepada kajian Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (seterusnya Ungku Maimunah dan Zulkarnain) dalam buku berjudul *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu* (2013). Buku ini antara lain

membangkitkan soal kerelevan penerapan teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Hasil penelitian terhadap kajian-kajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu yang menerapkan feminism sebagai kerangka analisis, tulisan Ungku Maimunah dan Zulkarnain mengenal pasti beberapa percanggahan dan kekeliruan yang rata-rata dianggapnya berpunca daripada penerapan teori feminism. Antara yang dihujahkan ialah percanggahan kesimpulan yang terhasil daripada dua buah kajian yang kedua-duanya menganalisis novel *Iakah Salmah?* karya Ahmad Rashid Talu berdasarkan kerangka feminism. Pertama ialah analisis Siti Hajar terhadap novel *Iakah Salmah?* dalam buku Siti Hajar Che Man bertajuk *Esei-esei Kritikan Feminis dalam Kesusasteraan Melayu* (2007) yang menghasilkan kesimpulan berikut, sebagaimana yang dikutip oleh Maimunah dan Zulkarnain (2013: 143-144) dalam petikan di bawah:

Dalam kes ini, Ahmad Rashid Talu mengawal watak Salmah sepenuhnya. Pemikiran Salmah telah didiskriminasikan. Cara bacaan ini juga menentukan Salmah mengalami penderaan mental kerana pengarangnya terlalu *ambitious*. Bacaan kritik feminis menentukan Salmah telah dieksloitasi dan mengalami penderaan bawah umur. Dalam hal ini, Ahmad Rashid Talu telah memanipulasikan gadis bawah umur untuk menjanakan wawasannya (Siti Hajar Che Man, 2007c: 75).

Kedua ialah analisis Ruzy Suliza Hashim dan Shahizah Ismail Hamdan bertajuk “*Ikhtiar Wanita: A Multidisciplinary Reading of Female Agency in Pre-Independence Malay Novels*” (2006) yang juga menerapkan feminism sebagai kerangka bagi menganalisis novel *Iakah Salmah?* karya Ahmad Rashid Talu. Dalam kajian mereka, Ruzy Suliza dan Shahizah menyimpulkan seperti berikut, sebagaimana yang dikutip oleh Maimunah dan Zulkarnain (2013: 145) dalam petikan berikut:

*...the writer has succeeded in presenting a Malay society that is progressive but able to maintain a sense of Malayness. This is mainly achieved through Salmah as well as the presence of strong family values even in the face of change* (Ruzy Suliza dan Shahizah, 2006: 326).

Dengan menurunkan kedua-dua kutipan di atas dalam buku mereka, Ungku Maimunah dan Zulkarnain mempersoalkan bagaimana penerapan satu teori (dalam konteks ini ialah feminism) yang sama terhadap sebuah karya sastera yang serupa (dalam konteks ini ialah novel *Iakah Salmah?*), boleh menghasilkan kesimpulan yang bukan sahaja berbeza tetapi saling bertentangan. Pertentangan ini jelas apabila kesimpulan Siti Hajar cenderung membangkitkan kegagalan Ahmad Rashid Talu dalam merepresentasikan watak Salmah, manakala kesimpulan Ruzy Suliza dan Shahizah pula sebaliknya memperakunkan kejayaan novelis tersebut. Pertentangan daptan ini dianggap oleh Ungku Maimunah dan Zulkarnain sebagai manifestasi kelemahan feminism yang gagal tampil sebagai satu teori atau kerangka analisis yang mampu menghasilkan penemuan yang mantap dan dapat dipertanggungjawabkan, sebagaimana yang disimpulkan oleh Ungku Maimunah dan Zulkarnain dalam petikan di bawah:

Ternyata bacaan feminis bukan sahaja tidak membahaskan penemuan yang konsisten, malah berdasarkan contoh-contoh di atas penemuan yang berhasil itu jelas berantakan. Antara dua penemuan (merujuk kepada kesimpulan kajian Siti Hajar serta kajian Ruzy Suliza dan Shahizah) tersebut, yang mana satu merupakan penemuan feminis yang tepat? Atau kedua-duanya sama betul, hatta penemuan tersebut menghakis satu sama lain? (Ungku Maimunah dan Zulkarnain, 2013: 146).

Kritikan Ungku Maimunah dan Zulkarnain terhadap kelemahan feminism ini dengan sendirinya mengundang persoalan tentang kerelevan penerapan feminism sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu. Seterusnya, dan lebih penting lagi ialah kesimpulan Ungku Maimunah dan Zulkarnain yang membangkitkan soal perlunya diguna pakai kerangka analisis yang berteraskan Islam, yang dianggap sesuai dan berkemampuan dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu, sebagaimana yang disimpulkan dalam petikan panjang di bawah ini:

Buku ini berusaha untuk memberi pengertian terhadap tiga mauduk penting dalam sastera Melayu yang perlu difahami dengan betul dan mendalam agar tulisan yang dihasilkan, sama ada karya kreatif atau kritikan, akan senantiasa berwaspada apabila menerapkan fahaman atau kerangka asing dengan menentukan ia benar-benar sesuai dengan Islam dan neraka yang disediakannya itu. Menjurus secara khusus kepada konteks kita, kekayaan dan kedinamikan Islam telah berjaya membangunkan tradisi persuratan Melayu-Islam yang gemilang satu ketika dahulu, dan yang masih ada bersama kita, wajar dimanfaatkan kerana ia cukup berkemampuan untuk menjadi penyaring yang amat teliti dan sekali gus pendidik yang amat pekerti. Ini perlu dilakukan demi memastikan penulisan yang dihasilkan itu bermutu, beradab serta kaya dengan ilmu, dan memang wajar dibanggakan serta diwariskan sebagai khazanah yang tidak ada tolok bandingnya (Ungku Maimunah dan Zulkarnain, 2013:178).

Pengamatan ini diteruskan lagi dengan meneliti tulisan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) bertajuk “Bisakah Sastera Melayu Tanpa Teori Sastera Barat?” (2012), yang terbit dalam sebuah blog yang secara khusus membicarakan gagasan Persuratan Baru. Perlu dijelaskan bahawa sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat yang pada masa kini menyaksikan pemanfaatan alam siber sebagai medan intelektual, blog Mohd. Affandi ini secara khusus menerbitkan tulisan-tulisan kritikan beliau yang secara serius membahaskan persoalan-persoalan sekitar dunia kesusteraan Melayu khususnya. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelumnya, Mohd. Affandi merupakan seorang pengkritik dan penulis kreatif yang mencetuskan gagasan Persuratan Baru. Merujuk kepada tulisan yang dinyatakan di atas (iaitu “Bisakah Sastera Melayu Tanpa Teori Sastera Barat?”), Mohd. Affandi antaranya lain membahaskan tentang sumbangan teori feminism dalam pengkajian kesusteraan Melayu. Ini termasuklah kerelevan dan sumbangan teori Barat ini dalam konteks masyarakat Melayu yang sehingga kini menjunjung nilai-nilai Islam. Dengan menjadikan beberapa kajian tentang wanita dalam kesusteraan Melayu yang menerapkan feminism, tulisan Mohd. Affandi mengenal pasti beberapa kekeliruan

yang dikatakan berpunca daripada penerapan feminism. Antara yang dibahaskan ialah bagaimana penerapan feminism boleh menukar nilai-nilai akhlak wanita solehah yang sebenarnya dianggap mulia di sisi Islam, menjadi manifestasi penindasan terhadap wanita oleh sistem patriarki. Manakala nilai-nilai yang di sisi Islam dianggap sebagai kerendahan akhlak atau kebiadaban itu seperti kebebasan pergaulan lelaki perempuan tanpa batas atau penderhaakan terhadap suami, sebaliknya diperagakan dalam feminism sebagai lambang kemajuan serta pembebasan wanita daripada cengkaman patriarki. Adalah jelas pada Mohd. Affandi bahawa nilai-nilai yang diperakukan oleh feminism pada hakikatnya merupakan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam, sebagaimana yang ditulis oleh Mohd. Affandi dalam petikan berikut:

...yang diutamakan [dalam teori feminism] ialah sifat-sifat jahat dalam diri seorang perempuan, maka menjadi tuntutan dalam feminism supaya pengarang wanita, jika mahu berjaya seperti yang ditakrifkan oleh feminism, mestilah menceritakan kejahatan seorang wanita, seorang pemberontak (secara senyap mahu pun secara lantang), seorang yang mahukan kebebasan penuh dan yang berani menampilkkan dirinya sebagai penentu nilai-nilai kehidupan biasa menurut kemahuan hawa nafsunya (Mohd. Affandi, 2012).

Kritikan Mohd. Affandi ini berusaha menjelaskan bahawa teori feminism bertentangan dengan Islam, dan justeru penerapannya hanya mengundang kekeliruan. Hal ini sekali gus mencabar kerelevanannya sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu. Lebih penting lagi ialah seruan Mohd. Affandi supaya sarjana dan pengkaji Muslim memahami Islam secara mendalam sebelum menerapkan teori-teori Barat termasuk feminism dalam pengkajian ilmiah mereka. Ini kerana tanpa pemahaman yang mendalam tentang Islam, penerapan feminism khususnya akan hanya mengundang kekeliruan serta tidak memberikan manfaat dalam kehidupan umat Islam. Dengan kata lain, Mohd. Affandi menyeru supaya Islam dijadikan sebagai kayu ukur dalam pengkajian ilmiah termasuk kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang dihujahkan oleh beliau:

...feminisme tidak diperlukan sebagai alat analisis dalam kajian kita [merujuk pengkaji dan sarjana Islam] tentang persoalan yang dihadapi wanita Islam, walaupun perlu diketahui sebagai satu gerakan wanita di Barat. Feminisme masih boleh diperkenalkan di universiti supaya para pelajar kita terdedah kepada beberapa perkembangan yang agak menggemparkan dunia akademik Barat; tetapi pengenalan itu mesti diikuti dengan huraian yang mendalam dan lengkap tentang kedudukannya menurut pandangan Islam, supaya para pelajar tidak hanyut dalam kepercayaan tidak berasas bahawa feminism cocok dengan pandangan Islam. Sekiranya pendedahan ini hanya sebelah pihak, yakni hanya ditumpukan kepada feminism Barat, maka sarjana yang melakukannya tidak mempunyai amanah intelektual kerana perbuatan itu pasti akan mengelirukan para pelajar. Apa pun juga idea yang didedahkan kepada para pelajar syarat paling penting ialah pendedahan itu memperkaya pengalaman intelektual mereka setelah ditapis berasaskan pandangan Islam (Mohd. Affandi, 2012).

Pada tahap ini, dapat dikatakan bahawa tulisan-tulisan yang diamati di atas rata-rata menghujahkan soal ketidaksesuaian penerapan feminism sebagai kerangka dalam menganalisis karya-karya sastera Melayu. Ketidaksesuaian ini rata-rata merujuk kepada pertentangan antara feminism dengan Islam yang dianggap mendasari tradisi kesusasteraan Melayu. Pertentangan ini dianggap mencetuskan dapatan serta kesimpulan yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam, dan sekali gus mengelirukan. Dalam konteks ini, kajian-kajian yang diamati di atas dianggap cenderung mempertikaikan serta menolak penerapan teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu.

Kesimpulannya, pengamatan di atas yang dilakukan terhadap kajian-kajian sedia ada berkaitan wanita dalam kesusasteraan Melayu berhasil mengenal pasti tiga corak dapatan yang berhasil daripada kajian-kajian ilmiah. Pertama, corak dapatan kajian-kajian ilmiah yang memperakukan sumbangan dan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Kecenderungan ini, antaranya dimanifestasikan dalam analisis dan kesimpulan kajian-kajian oleh Azlinda Abdul Aziz (2002), Nor Azlia Mat Jaafar (2009), Rosnah Baharuddin (1995), Siti Khariah Mohd Zubir (2004), Norhayati Ab. Rahman (2005, 2012), Membunga@Siti Meriam Yaacob (2005), Yulduz Emiloglu (1995), Sohaimi Abdul Aziz (2003), Siti Aisah Murad (2006), Ruzy Suliza Hashim dan Shahiza Ismail Hamdan (2006), Siti Hajar Che Man (1999, 2007a, 2007b, 2009) dan Amida@Hamidah Abdulhamid (2003), seperti yang telah dibincangkan di atas. Dengan menerapkan teori feminism, kajian-kajian ini rata-rata berpendapat bahawa soal wanita dalam karya-karya sastera Melayu dapat ditangani secara kritis. Hal ini antaranya jelas apabila kajian-kajian sedia ada di atas mengemukakan pandangan dan tafsiran tertentu berkaitan wanita seperti stereotaip dalam pemotretan citra serta pembikinan imej wanita, kegetiran serta pengalaman wanita yang hidup dalam kekuasaan patriarki, daya ikhtiar dan perjuangan wanita (*woman agency*) dalam menentang penindasan terhadapnya. Lebih penting lagi, tercetusnya analisis dan tafsiran ini dianggap telah dimungkinkan dengan penerapan teori feminism dalam kajian-kajian sedia ada di atas. Dengan kata lain, teori feminism diakui menawarkan falsafah, prinsip, dan konsep termasuk istilah-istilah yang dapat diguna pakai bagi menganalisis soal wanita dalam karya-karya sastera Melayu. Dengan menerapkan falsafah, prinsip dan konsep feminism ini, kajian-kajian sedia ada ini di satu pihak, berhasil menggolongkan sejumlah karya sastera Melayu yang dianggap “bermutu” kerana menepati falsafah, prinsip dan konsep feminism. Manakala, di pihak yang lain pula, berhasil menggolongkan sejumlah karya sastera Melayu sebagai “tidak bermutu” kerana tidak menepati falsafah, prinsip dan konsep feminism. Dalam konteks inilah, dapatan kajian-kajian di atas cenderung memperakukan sumbangan dan kesesuaian teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu.

Kedua, corak dapatan yang menganggap penerapan feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu, meskipun relevan tetapi menuntut kepada penyesuaian berdasarkan budaya Melayu dan agama Islam. Corak dapatan ini, antaranya dimanifestasikan dalam hasil analisis serta kesimpulan oleh Siti Hajar Che Man (1999) dan Nor Razana Daud (2009), seperti yang telah dibincangkan di atas. Kedua-dua kajian ini rata-rata berpendapat penerapan teori feminism masih relevan dan dapat memberikan manfaat yang tertentu dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Ini antaranya merujuk kepada sumbangan konsep-konsep feminism yang tidak terbatas

kepada konteks dan budaya masyarakat di Barat sahaja. Akan tetapi, disebabkan teori feminism tercetus di Barat dengan konteks dan budaya tempatan yang berbeza dengan masyarakat Melayu, maka pada beberapa segi, penerapan teori ini dalam pengkajian kesusasteraan Melayu dianggap menuntut kepada penyesuaian. Penyesuaian ini dianggap harus mengambil kira faktor budaya Melayu-Timur dan Islam yang melingkungi kegiatan kesusasteraan Melayu.

Ketiga, corak dapatan yang mempertikaikan serta menolak teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu. Corak dapatan ini antaranya dimanifestasikan secara jelas dalam tulisan-tulisan Chew Fong Peng (2007), Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2012), Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed (2013) dan Mohd. Affandi Hassan (2012), seperti yang telah dibincangkan. Kajian-kajian ini, antara lain memanifestasikan kelemahan dan kegagalan teori feminism dalam membantu melahirkan pandangan serta kesimpulan yang tepat dan bernes. Kajian Chew Fong Peng, antaranya menyerlahkan kelemahan dakwaan feminism tentang kesendengengan penulis lelaki dalam pemotretan imej dan citra wanita. Lebih jelas ialah kesimpulan Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed yang mendapati penerapan feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu tidak memberikan sumbangan yang signifikan. Hal ini kerana feminism dianggap hanya mampu beroperasi pada tahap manifestasi cerita yang bersifat literal, selain menghasilkan dapatan yang saling bertentangan. Lebih kritis ialah tulisan Mohd. Affandi yang menghujahkan bahawa penerapan teori feminism dalam pengkajian kesusasteraan Melayu hanya melahirkan tafsiran dan kesimpulan yang mengelirukan di sisi Islam. Kekeliruan ini disebabkan oleh pertentangan prinsip antara Islam dengan feminism.

### 1.3 Permasalahan Kajian

Sorotan literatur di atas secara jelas memperlihatkan wujudnya pertikaian tentang kesesuaian kerangka analisis yang selama ini banyak diguna pakai dalam pengkajian tentang representasi wanita dalam kesusasteraan Melayu. Pertikaian ini jelas apabila terdapat sejumlah kajian ilmiah yang membangkitkan soal pentingnya kebudayaan Melayu yang berteraskan Islam diambil kira dalam pengkajian tentang representasi wanita dalam kesusasteraan Melayu. Lebih jelas lagi, terdapat beberapa tuntutan yang mendesak supaya pengkajian tentang representasi wanita dalam kesusasteraan Melayu menggunakan kerangka analisis yang berteraskan Islam. Dalam hal ini, kerangka analisis yang berteraskan Islam jelas dianggap lebih sesuai serta dapat berlaku adil terhadap tradisi kesusasteraan Melayu yang berteraskan Islam.

Dalam konteks tuntutan inilah, kajian ini difikirkan relevan serta perlu untuk diusahakan. Kerelevan ini semakin kukuh apabila sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, belum ada satu kajian ilmiah (kecuali dalam bentuk makalah-makalah ilmiah yang menganalisis beberapa karya sastera), yang secara komprehensif menangani soal representasi wanita dalam kesusasteraan Melayu berdasarkan satu kerangka analisis yang berteraskan Islam, khususnya kerangka *Taklif*, sebagaimana yang akan diguna pakai dalam kajian ini, dan akan diperjelaskan lebih lanjut nanti.

Dengan kata lain, tuntutan supaya diguna pakai satu kerangka analisis yang berteraskan Islam, diajukan di sini sebagai satu permasalahan, yang bukan sahaja dapat mewajarkan kehadiran kajian, tetapi juga perlu dirungkaikan dalam kajian ini.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Lanjutan daripada permasalahan di atas, kajian ini menyasarkan dua objektif yang perlu dicapai, iaitu:

- i. Menganalisis representasi watak-watak wanita dalam karya sastera Melayu moden periode awal berdasarkan kerangka *Taklif*, dan
- ii. Merumuskan representasi watak-watak wanita dalam karya sastera Melayu moden periode awal berdasarkan kerangka *Taklif*.

#### **1.5 Pemilihan *Taklif* Sebagai Kerangka Analisis**

Seterusnya, bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, kajian ini memilih untuk menerapkan kerangka *Taklif* iaitu satu kerangka pokok yang mendasari ajaran Islam. Pada dasarnya, kerangka ini merujuk kepada soal keterikatan manusia dengan Allah S.W.T. sebagai Penciptanya. Keterikatan ini dengan sendirinya meletakkan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah S.W.T. yang terikat dengan tugas sebagai “Hamba Allah S.W.T.”, dan “Khalifah Allah S.W.T. di Bumi”, sebagaimana yang akan dibahaskan lebih lanjut pada bahagian seterusnya.

Pada tahap ini, apa penting difahami ialah dalam konteks kesusasteraan Melayu, kerangka *Taklif* ini telah sedia mendasari gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) iaitu satu gagasan kesusasteraan yang dicetuskan oleh Mohd. Affandi Hassan, seorang pengkritik dan penulis kreatif yang terkenal di Malaysia. Gagasan PB dicetuskan sebagai reaksi beliau terhadap perkembangan-perkembangan penting yang berlaku dalam kegiatan kesusasteraan Melayu masa kini. Antaranya, kecenderungan kesusasteraan Melayu masa kini terhadap Barat, dan kekeliruan nilai yang dianggapnya berlaku dalam penghasilan dan pengkajian karya-karya sastera Melayu. Hal ini akan dijelaskan secara lebih lanjut dalam bab seterusnya nanti. Pada tahap ini, apa yang penting untuk dijelaskan bahawa perbincangan tentang gagasan PB penting bagi memahami soal kerelevan penerapan kerangka *Taklif* dalam kesusasteraan khususnya kesusasteraan Melayu.

Seterusnya, pemilihan *Taklif* sebagai kerangka analisis ini didasarkan kepada dua pertimbangan yang berkaitan dengan permasalahan kajian. Pertama, kecenderungan kajian-kajian sedia ada dalam menerapkan feminism sebagai kerangka analisis dalam pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal bab ini. Kecenderungan kajian-kajian sedia ada terhadap sebuah kerangka analisis yang tercetus dari Barat seperti feminism, dengan sendirinya menjadikan pilihan terhadap Islam dan *Taklif* sebagai satu pilihan yang munasabah dan relevan. Kedua dan berkaitan dengan kecenderungan tersebut ialah seruan para sarjana

dan pengkritik sastera yang menuntut supaya pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu menggunakan kerangka analisis yang lebih dekat serta dapat berlaku adil terhadap tradisi Islam yang dianggap memainkan peranan penting dan relevan dengan kegiatan kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang telah dibincangkan lebih awal. Dalam konteks seruan inilah, kajian ini memilih untuk menerapkan kerangka *Taklif* yang merupakan satu kerangka penting dalam ajaran Islam seperti yang akan diperjelaskan secara lebih lanjut nanti.

## 1.6 Pengertian Kata Kunci dan Takrifan Konseptual

### “Representasi”

Seajar dengan fokus kajian, bahagian ini akan menghuraikan tentang pengertian kata kunci serta takrifan konsepstual yang mendasari judul kajian ini. Antaranya ialah perkataan “representasi” yang berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu *representation*. *Oxford Dictionary of English Third Edition* (2010: 1508) mentakrifkan perkataan *representation* sebagai “*the description or portrayal of someone or something in a particular way*” (deskripsi atau gambaran tentang seseorang atau sesuatu dengan cara tertentu). Pengertian ini juga hampir sejajar dengan penjelasan *Chambers Concise Dictionary* (2004: 1021) yang mentakrifkan *representation* sebagai “*the act or process of representing or the state of fact of being represented*”, atau perlakuan atau proses menggambarkan atau perihal sesuatu yang digambarkan”. Dengan pemahaman dalam bahasa Inggeris ini, *Kamus Dewan Inggeris-Melayu* (1992: 1330) kemudiannya mentakrifkan *representation* sebagai perlambangan atau gambaran.

Manakala, *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015: 1322) menyenaraikan perkataan “representasi” (sebagai kata pinjaman daripada perkataan bahasa Inggeris - *representation*) yang ditakrifkan sebagai “sesuatu yang melambangkan, menggambarkan atau menyatakan sesuatu yang lain”, atau “perihal (perbuatan dsb) mewakili, perwakilan”. Berdasarkan kepada penjelasan yang diberikan kamus-kamus di atas, dapat dirumuskan bahawa perkataan “representasi” pada asasnya merujuk kepada “deskripsi atau gambaran tentang sesuatu”. Berteraskan kepada maksud ini, dan dengan mengambil kira permasalahan kajian, perkataan “representasi” dalam kajian ini ditakrifkan sebagai “deskripsi atau gambaran watak-watak wanita yang ditampilkan” dalam karya-karya sastera Melayu moden yang dikaji.

### “Taklif”

Seterusnya, bahagian ini akan menghuraikan takrifan konseptual yang terkandung dalam pengertian *Taklif*, yang mendasari kerangka analisis dalam kajian ini. Untuk itu, perbincangan ini dimulakan dengan meneliti pengertian *Taklif* dari segi bahasa. Baalbaki (1997: 361) menjelaskan bahawa perkataan *Taklif* dalam bahasa Arab secara

literalnya membawa maksud bermaksud “beban yang diletakkan ke atas bahu manusia” (*to burden one self/be burdened*). Pengertian *Taklif* turut terkandung dalam kitab Shah Wali Allah al-Delhi r.h. (lahir pada 1703 dan meninggal dunia pada 1762) bertajuk *Hujjat Allah Al Baligha* atau diterjemahkan oleh Marcia K. Hermansen (seterusnya Hermansen) sebagai *The Conclusive Argument from God* (1996). Kajian ini menggunakan pakai terjemahan Hermansen bagi mengupas pengertian dan pemahaman *Taklif* yang diperjelaskan oleh Shah Wali Allah al-Delhi r.h. Menurut Shah Wali Allah al-Delhi r.h., *Taklif* merujuk kepada “rahsia kebertanggungjawaban agama ke atas diri manusia”. Keber tanggungjawaban agama ini merujuk kepada kesanggupan manusia untuk menyembah Allah S.W.T. sepanjang kehidupan mereka di muka bumi. Kesanggupan ini diserahkan pada “perjanjian azali” (*primordial covenant*) yang termeterai antara manusia dengan Penciptanya, sebagaimana yang diperjelaskan dalam Al-Quran Surah Al-A’raaf, Ayat 172 yang antara lain bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam dari (tulang) belakang mereka, dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (Firman-Nya): Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka menjawab: Benar, kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: Sesungguhnya kami orang yang lalai tentang (hakikat tauhid) ini (*Tafsir Al-Quran*, 2010: 173).

Ayat Al-Quran di atas secara jelas menyatakan bahawa Allah S.W.T. telah meminta pengakuan terhadap setiap roh manusia dengan pertanyaan, *alastu bi rabbikum* (Bukankah Aku ini Tuhanmu?). Al-Quran menjelaskan bahawa pertanyaan Allah S.W.T. ini kemudian dijawab oleh setiap roh manusia dengan kesanggupan untuk memperakukan keesaan Allah S.W.T., sebagaimana yang terkandung dalam ungkapan, *bala shahidna* (Betul (Engkau Tuhan kami, kami menjadi saksi)). Dengan pengakuan serta kesanggupan ini, terpikul di atas bahu manusia keber tanggungjawaban agama (*divine accountability and responsibility*) yang diungkap oleh Al-Dehli sebagai *Taklif*.

Berdasarkan kepada pandangan Shah Wali Allah al-Delhi r.h. ini, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa manusia secara fitrahnya cenderung melaksanakan kebaikan atau kemakrufan. Terangkum dalam kebaikan atau kemakrufan ini ialah keadilan yang tertegak melalui daya usaha manusia yang diasaskan kepada ilmu yang benar, atau disebut sebagai ikhtiar (Mohd. Affandi, 2014: 264). Ini bererti, tiga perkara pokok mendasari kerangka *Taklif* iaitu keadilan, daya usaha (ikhtiar), dan ilmu yang benar. Ketiga-tiga perkara ini saling berkaitan dalam melahirkan perbuatan baik atau makruf, sejarar dengan fitrah manusia sendiri. Mohd. Affandi menghuraikan hal ini sebagaimana dalam petikan yang diturunkan di bawah:

Menurut ajaran Shah Wali Allah, rahsia taklif (*sirrul-taklif*) itu merujuk kepada kesempurnaan manusia yang semula jadi, untuk mencapai tiga perkara atau matlamat kehidupannya: keadilan, ilmu pengetahuan, dan ikhtiar dan usaha (dihuraikan oleh Syeikh Abdullah Nuh dalam kitabnya *Semangat Perajurit-perajurit Islam*, tt., mungkin 1940?) (Mohd. Affandi, 2014: 264).

Berteraskan kepada pemahaman di atas, Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) memanfaatkan istilah *Taklif* dalam pengkonsepsian gagasan PB. Seiring dengan penjelasan Al-Dehli, *Taklif* dalam gagasan PB merujuk kepada hakikat keterikatan manusia dengan Allah S.W.T. melalui “perjanjian azali”, sebagaimana yang terkandung dalam Surah Al-A’raaf, Ayat 172 yang terjemahannya telah diturunkan dalam petikan di atas.

Dengan memahami petikan ayat Al-Quran di atas, penting dijelaskan bahawa hakikat penciptaan manusia adalah bertolak daripada pertanyaan Allah S.W.T. kepada jiwa manusia ketika mereka masih di Alam Roh. Menurut Mohd. Affandi lagi, isi penting yang terkandung dalam perjanjian azali ini merupakan “janji” manusia untuk memperakukan keesaan Penciptanya. Dengan keterikatan terhadap *Taklif*, setiap tindak-tanduk manusia di muka bumi dianggap tidak terlepas daripada matlamat untuk beribadah, sebagaimana yang dijelaskannya, “...kerana tujuan daripada kejadian manusia itu, *sebenarnya*, hanyalah untuk menyembah dan beribadat kepada Allah S.W.T.” (Mohd. Affandi, 2005: 15). Keterikatan manusia dengan perjanjian azali ini turut melangsungkan tugas manusia sebagai “Hamba Allah S.W.T.” yang dituntut untuk beribadah kepada-Nya dan sebagai “Khalifah Allah S.W.T. di Bumi” yang bertanggungjawab mentadbir bumi dengan sebaik-baik pentadbiran.

Pemahaman Mohd. Affandi terhadap pengertian *Taklif* ini juga banyak disandarkan kepada penjelasan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (seterusnya Al-Attas) tentang hakikat hutang penciptaan, yang dianggapnya menjadi asas hubungan antara manusia dengan Allah S.W.T. Dalam konteks ini, Al-Attas (2011: 67) antaranya menjelaskan bahawa hakikat kejadian manusia yang dicipta dengan sebaik-baik penciptaan. Hakikat ini dengan sendirinya menimbulkan “rasa keberhutangan” (*indebtedness*) pada diri manusia kepada Penciptanya. Dengan itu, manusia pada hakikatnya telah diletakkan sebagai “pihak yang berhutang”, yang mengikat seluruh kehidupan manusia di muka dengan satu matlamat, iaitu untuk beribadah kepada Penciptanya. Dalam erti kata lain, manusia sebagai pihak yang berhutang menerima hakikat bahawa penciptaan dan kehadiran mereka di muka bumi adalah semata-mata untuk menyembah Allah S.W.T. Hakikat keterikatan manusia dengan janji kepada penciptanya ini secara tidak langsung menjadi “fitrah” diri manusia. Berdasarkan pemahaman ini, dapat dikatakan bahawa manusia secara fitrahnya memang diciptakan Allah S.W.T. dengan keinginan untuk menyembah Penciptanya, iaitu dengan melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan-Nya. Sejajar dengan itu, Al-Attas menjelaskan bahawa keengganinan manusia untuk akur terhadap fitrah ini akan menyerlahkan kesombongan dan penderhakaan manusia kepada Allah S.W.T., sebagaimana yang dijelaskannya dalam petikan berikut:

*Submission to it brings harmony, for it means realization of what is inherent in one's true nature; opposition to it brings discord, for it means realization of what is extraneous to one's true nature* (Al-Attas, 1992: 11-12).

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, Mohd. Affandi memanfaatkan istilah *Taklif* dalam pengkonsepsian gagasan PB. Dengan menjadikan *Taklif* sebagai terasnya, gagasan PB hadir dengan melahirkan matlamat kesusasteraan yang bertujuan untuk melaksanakan kebaikan dan menjauhi kejahanatan (*amar ma’aruf nahi mungkar*) melalui

kegiatan kesusasteraan. Matlamat ini direalisasikan dengan menyampaikan “ilmu yang benar” di sisi Allah S.W.T. Seterusnya, berasaskan kepada pengertian dan pemahaman *Taklif* juga, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa kegiatan kesusasteraan menjadi satu bentuk “ibadah” manusia kepada Allah S.W.T., yang perlu dilaksanakan dengan “niat” dan “cara pelaksanaan” yang benar di sisi Islam. Dengan pengertian menurut kerangka *Taklif* ini, karya sastera menurut gagasan PB menjadi manifestasi pengabdian manusia dan bukannya penderhakaan kepada Allah S.W.T. (Mohd. Affandi, 1997: 23). Perbincangan lanjut tentang gagasan PB khususnya falsafah serta alat analisis teks yang diajukannya, akan dilakukan dalam bab yang seterusnya. Sebagai satu perbincangan tentang definisi operasional, adalah memadai difahami pada tahap ini bahawa pengertian *Taklif* yang merujuk kepada “keterikatan manusia dengan janji azali untuk beribadah kepada Penciptanya”, sebagaimana yang dijelaskan Mohd. Affandi dalam petikan:

...maksud *taklif* itu ialah keterikatan manusia kepada hakikat kejadiannya, yakni manusia tidak dapat lepas daripada hakikat bahawa dia dicipta oleh Allah Taala, dan oleh itu wajib menurut hukum-hukum-Nya (Mohd. Affandi, 1997: 408).

Lanjutan itu, Mohd. Affandi menjelaskan bahawa hasil kegiatan kesusasteraan yang menjadikan *Taklif* sebagai kerangka akan menjadi manifestasi pengabdian manusia kepada Allah S.W.T., sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan berikut:

Teori persuratan [merujuk gagasan PB] yang saya kemukakan itu menjadikan konsep *taklif* sebagai asasnya, kerana itu dalam teori itu, manusia penulis mengarang kerana dia ingin “kembali menjadi manusia”, yang bererti dia sedar akan hakikat kejadiannya, yang juga bererti dia sedar akan dua tugas utamanya, sebagai hamba Allah, dan sebagai khalifah di bumi... Oleh itu, jika dia [merujuk kepada penulis Islam] menulis, dia tidak akan cuba menjadi seorang penderhaka kepada Allah Taala dan penderhaka kepada manusia, yang bermakna dia tidak akan menulis tentang sesuatu yang melanggar janji-janji *taklifnya* (Mohd. Affandi, 1997: 400).

Sesungguhnya, pemanfaatan kerangka *Taklif* dalam kegiatan kesusasteraan dengan sendirinya memetakan batas-batas tertentu dalam penghasilan serta penghayatan karya kreatif, yang pada dasarnya berteraskan kepada prinsip-prinsip Islam. Pemahaman ini dengan sendirinya mengundang satu perbincangan lanjut dan khusus tentang wanita menurut kerangka *Taklif* yang akan dilakukan dalam Bab 3 nanti. Perbincangan khusus dalam bab tersebut sejajar dengan fokus kajian ini iaitu wanita dalam kesusasteraan Melayu, seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian-bahagian sebelumnya. Perbincangan dalam Bab 3 akan menghuraikan pemetaan batas-batas tertentu yang lahir daripada pemanfaatan konsep *Taklif* dalam memahami persoalan berkaitan wanita menurut Islam.

## **1.7 Batasan Kajian dan Justifikasi Pemilihan Bahan Kajian**

Kajian ini akan menjadikan genre cerpen dan novel Melayu sebagai bahan kajian. Karya-karya yang dikaji ini meliputi enam buah cerpen Melayu, dan dua buah novel Melayu. Cerpen-cerpen yang dikaji bertajuk “Kekuasaan dan Kekuatan” (1950), “Perempuan Gusti” (1951), “Fatimah Kahwin” (1951), “Hendak ke Mana Fatimah” (1952), “Fatimah Sebagai Isteri” (1952) yang kesemuanya merupakan karya Hamzah Hussin, dan cerpen “Perempuan” (1961) karya Anis Sabirin. Manakala, novel Melayu yang dikaji pula bertajuk *Faridah Hanom* (1925) karya Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi dan *Iakah Salmah?* (1929) karya Ahmad Rashid Talu.

Pemilihan karya-karya sastera Melayu moden di atas sebagai bahan kajian diasaskan kepada beberapa pertimbangan. Pertama, periode awal kesusasteraan Melayu moden yang meliputi tempoh 36 tahun, bermula tahun 1925 (iaitu tahun penerbitan novel *Faridah Hanom* karya Al-Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi), hingga tahun 1961 (iaitu tahun penerbitan cerpen “Perempuan” karya Anis Sabirin). Tempoh ini merupakan periode awal dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden, terutamanya bagi genre cerpen dan novel Melayu. Pembatasan pada periode awal ini penting bagi mengekalkan fokus perbincangan melalui pengamatan terhadap perkara-perkara yang relevan dan dipengaruhi oleh trend serta faktor zaman, dalam usaha menganalisis representasi watak-watak wanita dalam karya-karya sastera yang dikaji. Sehubungan itu juga, jumlah karya-karya yang dikaji iaitu dua buah novel dan enam buah cerpen dalam periode awal sejarah kesusasteraan Melayu moden yang dianggap dapat menawarkan data-data yang diperlukan untuk tujuan analisis, dan sekali gus merealisasikan objektif-objektif kajian, serta merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal kajian ini.

Kedua, dan lebih penting lagi ialah soal kesignifikanan representasi watak-watak wanita dalam karya-karya sastera yang dikaji. Kesignifikanan ini jelas apabila karya-karya sastera yang dikaji ini dijadikan sebagai bahan dalam sejumlah pengkajian tentang wanita dalam kesusasteraan Melayu, sebagaimana yang jelas diamati dalam bahagian Sorotan Literatur. Pengamatan awal memperlihatkan bahawa watak-watak wanita dalam karya-karya yang dikaji ini telah sedia mendapat perhatian yang serius sebagaimana yang jelas pada kajian-kajian ilmiah sedia ada yang rata-rata menerapkan feminism sebagai kerangka analisis. Hakikat bahawa kajian ini akan menerapkan *Taklif* sebagai kerangka analisis, dengan sendirinya membolehkan tercetusnya tafsiran serta penemuan baharu, dan berlainan daripada kajian-kajian sedia ada.

## **1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab**

Dalam usaha memudahkan perbincangan ini diikuti, kajian ini secara keseluruhannya akan dibahagikan kepada lima bab. Pembahagian bab ini juga mengambil kira tuntutan-tuntutan penting kajian ini, seperti yang akan dijelaskan nanti. Seperti yang telah diikuti, Bab 1 telah membincangkan kajian-kajian terdahulu, dan seterusnya mengenal

pasti permasalahan kajian dan objektif-objektif kajian. Bab ini juga telah menjelaskan tentang pertimbangan-pertimbangan dalam justifikasi pemilihan kerangka analisis, justifikasi pemilihan bahan-bahan kajian, definisi konseptual, organisasi bab dan seterusnya nanti ialah kepentingan kajian ini.

Seterusnya, Bab 2 akan berfokus pada perbincangan tentang gagasan Persuratan Baru sebagai kerangka analisis. Perbincangan dalam bab ini akan meliputi perkembangan semasa yang mencetuskan gagasan ini, falsafah terutamanya pemanfaatan kerangka *Taklif*, dan seterusnya alat analisis teks yang dimanfaatkan dalam gagasan Persuratan Baru. Untuk itu, perbincangan dalam bab ini akan meneliti tulisan-tulisan Mohd. Affandi Hassan serta pandangan-pandangan sarjana lain yang relevan dan berkaitan dengan gagasan Persuratan Baru. Perbincangan dalam bab ini penting bagi melakarkan falsafah-falsafah yang akan diguna pakai dalam penganalisan teks-teks sastera Melayu moden yang dikaji.

Seterusnya, Bab 3 pula akan membincangkan tentang wanita menurut kerangka *Taklif*. Perbincangan ini akan memanfaatkan huraian serta kupasan para sarjana dan ilmuwan tentang ayat-ayat tertentu dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. dalam menangani persoalan dan isu-isu berkaitan wanita. Perbincangan dalam bab ini bertujuan untuk menyediakan pemahaman yang lebih jelas dan mencukupi tentang wanita menurut Islam, dan sekali gus memetakan batas-batas tertentu yang sejarah dengan kerangka *Taklif*, yang menjadi teras dalam gagasan Persuratan Baru.

Selanjutnya, Bab 4 dikhurasukan untuk menganalisis teks-teks sastera Melayu moden yang dikaji berdasarkan kerangka *Taklif*. Analisis akan tertumpu terhadap aspek representasi watak-watak wanita dalam teks-teks yang dikaji, sebagaimana yang dimanifestasikan pada penampilan fizikal, tingkah laku dan persepsi watak-watak wanita, yang kesemuanya dirungkaikan dan seterusnya dirumuskan berdasarkan kerangka *Taklif*.

Akhir sekali, Bab 5 akan melakarkan kesimpulan berdasarkan kepada dapatan serta rumusan yang diperoleh daripada analisis teks-teks kajian. Huraian dapatan analisis serta kesimpulan ini akan distrukturkan dengan matlamat untuk memperlihatkan bagaimana dapatan analisis serta rumusan yang diperoleh telah berupaya merealisasikan objektif-objektif kajian, dan seterusnya merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal kajian.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Secara umum, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bererti dari segi memperkayakan lagi korpus penyelidikan ilmiah tentang kesusastraan Melayu, khususnya yang berkaitan dengan wanita. Dalam konteks yang lebih khusus, kajian ini serta dapatan-dapatannya diharap dapat merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan iaitu pertikaian tentang kesesuaian teori feminism, dan perlunya satu

kajian yang mengguna pakai kerangka analisis yang berteraskan Islam. Dalam konteks ini juga, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan dari segi pemantapan pemahaman tentang Islam dalam kesusasteraan, khususnya dalam kesusasteraan Melayu.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Jalil Mohd. Hassan. (1993). *Perkahwinan dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat dan Panduan Kebahagiaan*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Abd. Kadir Abdullah Hassan. (2002). *Perkahwinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Abbas Mahmoud Al ‘Akkad. (1976). *Wanita dalam Al-Quran*. Terj. Dra. Chadijah Nasution. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Abdul Aziz Ismail. (2007). *Aurat Lelaki dan Wanita Berdasarkan Al-Quran dan Hadis*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Abdul Kadir Derani. (1993). *Rumahku Syurgaku: Perkahwinan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Perniagaan Mawarku.
- Abdullah Tahir. (1995). Novel-Novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep Persuratan Baru Melayu. Dalam Kongres Bahasa Sedunia. Kumpulan Kertas Kerja (1). Nombor Panggilan PL 5102K821995. (50-56). Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Abul Khairi Al-Latifi. (2004). *Fiqh: Perkahwinan Menurut Mazhab Imam As-Syafī'e*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Adli Yaakob. (2007). Satu Teori Ringkas Konsep dan Teori Sastera Islam di Malaysia. *Islamiyat*. (29): 3-34.
- Afif Ab. Fattah Tabbarah. (1978). *Wanita dan Keluarga dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ahmad Rashid Talu. (2009). Iakah Salmah?. Dalam Rosnah Baharuddin (Pngr.), *Kajian dan Karya Lengkap Ahmad Rashid Talu Jilid 3*. (317-811). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zaki Badawi. (1991). *Al-Mu'jam al-Arabi al-Muyasaar*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Masriy.
- Al-Attas, S. M. N. (1977). *Islām: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- \_\_\_\_\_. (1992). *Islām: The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2011). *Islam dan Sekularisme*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2014). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Alias Samsudin. (1999). *Kejadian Adam dan Tipu Daya Iblis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman.
- Amida@Hamidah Abdulhamid. (2003). Feminisme: Antara Ilusi dengan Realiti. Dalam Zalila Sharif (Pngr.), *Feminisme dalam Kesusastraan Malaysia dan Asia Tenggara*. (136-149). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Zakaria. (1983). Kebahagiaan Rumahtangga: Apa Peranan Suami Isteri? *Bimbingan Mukminah*. (18-27). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islam Malaysia.
- Andek Masnah Andek Kelawa. (1999). *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anis Sabirin. (1984). Perempuan. Dalam Zaharah Ibrahim dan Kamariah Mohamed Ali (Pngr.), *Hawa: Antologi Cerpen Penulis-Penulis Wanita*. (27-37). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlinda Abdul Aziz. (2002). *Citra Wanita dalam Karya-Karya Zaharah Nawawi*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Baalbaki, M. (1997). *Al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Beirut: Dar El Ilm Lil Malayan.
- Baterah Alias dan Che Zarrina Sa'ari. (2006). *Islam dan Emansipasi Wanita*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Bhasin, K dan Said Khan, N. (1986). *Some Questions on Feminism and Its Relevance in South Asia*. New Delhi: Indraprastha Press.
- Brooker, P. (1992). *Modernism/Postmodernism*. London: Longman Critical Readers.
- Chambers Concise Dictionary*. (2004). Edinburgh: Chambers Harrap Publishers Ltd.
- Che Zainon Yusof. (1995). *Penyelewengan Islam Menurut Pandangan Islam*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Chew Fong Peng. (Jun 2007). Citra Wanita Melayu Moden dalam Novel *Surat-Surat Perempuan Johor*: Kajian Pendekatan Feminisme. *HISTORIA: Journal of Historical Studies*. (VIII): 63-76.
- Faisal Othman. (1993). *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Fathi Osman. (1996). *Wanita Islam dalam Keluarga dan Masyarakat*. Terj. Askiah Adam. Kuala Lumpur: Sisters in Islam (SIS).
- Fuad Mohd. Fachruddin. (1984). *Aurat dan Jilbab dalam Pandangan Mata Islam*. Jakarta: Penerbit Yayasan al-Amin.

- H. Idris Ahmad S. H. (1987). *Bimbingan Hidup Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Hamzah Hussin. (1996). Kekuasaan dan Kekuatan. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*. (183-189). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1996). Perempuan Gusti. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*. (334-338). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1996). Fatimah Kahwin. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*. (339-344). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1996). Hendak ke Mana Fatimah. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*. (345-348). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (1996). Fatimah Sebagai Isteri. Dalam Othman Puteh (Pngr.), *Pagar Bukan Penjara: Kumpulan Cerpen 1947-1968 Hamzah Hussin*. (364-367). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamizah Hussin. (1993). *Wanita Solehah*. Johor: Penerbitan Al-Masyhur Sdn Bhd.
- Haron Din et al. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd.
- Imam Al-Ghazali. (1966). *Pembebas Dari Kesesatan*. Terj. Abdullah Nuh. Jakarta: Penerbit Tintamas.
- Kamali, M. H. (1993). Freedom of Expression in Islam: An Analysis of Fitnah. *The American Journal of Islamic Social Science*. (2): 178-209.
- Kamarul Azmi Jasmi et al. (2008). *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Inggeris-Melayu*. (1992). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaulah Abdul Latief al-Atiqi. (1999). *Wanita Islam Hari Ini: Kerja dan Fungsinya*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Khamsiah Ahmad. (1985). *Wanita Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Khurshid Ahmad. (1996). *Kekeluargaan dalam Islam*. Terj. Azmi Shah Suratman. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- M. Quraish Shihab. (2012). *Tafsir Al-Mishbah: Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an Volume 2*. Jakarta: Lentera Hati.

- Malladi Subbamma. (1988). *Islam and Women*. Terj. M.V. Ramamurty. New Delhi: Sterling Publishers Private.
- Mamduh Mahmud Abd al-Rahman. (1996). *Al-Zinah Wa al-Jamal Fi Mizan al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Zahra.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodernisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Masyitah Mokhtar. (1989). *Wanita: Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Karya Media Publisher.
- Membunga@Siti Meriam Yaacob. (2005). *Tanggapan Terhadap Wanita dalam Karya Hamzah dan Keris Mas*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Wanita dalam Karya Hamzah Hussin dari Perspektif Kritikan Feminis*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- \_\_\_\_\_. (2014). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994). *Medan-Medan dalam Sistem Persuratan Melayu: Sanggahan Terhadap Syarahan Perdana Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- \_\_\_\_\_. (Ogos 2002a). *Pujangga Melayu dan Persuratan Baru Menjadi Duri dalam Daging Sastera Melayu Moden?*. *Dewan Sastera*. 6-11.
- \_\_\_\_\_. (Julai 2002b). Era Picisan dalam Sastera Melayu: Shahnon, Azizi, Rohman Shaary. *Dewan Sastera*. 44-47.
- \_\_\_\_\_. (2005). *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Saleh Ahmad. (2009). *Perkahwinan dan Penceraihan dalam Islam*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn Bhd.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2001). Gerakan Reformasi Gereja di Eropah dan Kesannya Terhadap Seksualiti Masyarakat Barat. *Jurnal Usuluddin*. (14). 33-54.
- \_\_\_\_\_. (2011). *Seksualiti dalam Novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morris, Pam. (1995). *Literature and Feminism: An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.

- Muhammad Abdel Haleem. (2001). Adam and Eve in The Qu'ran and The Bible. *Understanding The Qu'ran: Themes and Style*. (123-137). London: I. B. Tauris Publishers.
- Muhammad Abdul 'Aziz "Amr. (2009). *Pakaian dan Perhiasan dalam Syariat Islam*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn Bhd.
- Muhammad Imran. (1993). *Muslimah Sejati*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- \_\_\_\_\_. (1997). *Wanita Ideal Menurut Al-Quran & Al-Sunnah*. Terj. Fathilah Mohd. Alipah. Selangor: Syabab Publishing House Sdn, Bhd.
- Mukhlas Asy-Sharkoni. (1999). *Apa Kata Islam Tentang Kedudukan Wanita, Harta dan Takhta*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Nor Azlia Mat Jaafar. (2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nor Razana Daud. (2009). *Wanita dalam Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin: Dari Perspektif Ginokritik*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Puitika Sastera Wanita dalam Novel-Novel Pengarang Wanita Indonesia dan Malaysia: Satu Bacaan Ginokritik*. Tesis Kedoktoran. Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2012). Pemartabatan Wanita dalam *Lentera Mustika*: Daripada Kaca Mata Wanita. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa Bil.* (18). 109-130.
- Oxford Dictionary of English Third Edition*. (2010). New York: Oxford University Press.
- Qamaruddin Khan. (1990). *Status of Women in Islam*. New Delhi: Sterling.
- Rosnah Baharuddin. (1995). *Wanita dalam Novel A. Samad Said*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Ruzy Suliza Hashim dan Shahizah Ismail Hamdan. (2006). *Ikhtiar Wanita: A Multidisciplinary Reading of Female Agency in Pre-Independence Malay Novels*. Dalam Shanta Nair-Venugopal, Khazriyati Salehuddin, Shanthini Pillai dan Vanjuree Sriadulpan (Pngr.), *Writing The Past Into The Present: Reflection of 35 Years of Scholarship in Language and Literary Studies*. (319-330). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said Abdul Aziz Al-Jandul. (1994). *Wanita di Bawah Naungan Islam*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.
- Shah Wali Allah al-Delhi r.h. (1996). *The Conclusive Argument from God*. Terj. Hermansen, Marcia K. New York: E. J. Brill.

- Siti Aisah Murad. (Februari 2006). Watak Wanita di Tangan Penulis Lelaki. *Dewan Sastera*. 27-31.
- Siti Hajar Che Man. (1999). *Feminisme dalam Kesusasteraan Melayu: Analisis Kaedah Showalter*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2007a). Wanita Melayu Dari Perspektif Aliran Feminisme: Kajian Terhadap Cerpen-Cerpen Melayu. Dalam *Esei-Esei Kritikan Feminis dalam Kesusasteraan Melayu*. (123-134). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2007b). *Isteri: Sifat Ketenangan dan Persaudaraan Wanita Dilihat Daripada Kerangka Hubungan Jantina*. Dalam *Esei-Esei Kritikan Feminis dalam Kesusasteraan Melayu*. (147-158). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. (2007c). *Esei-Esei Kritikan Feminis Dalam Kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- \_\_\_\_\_. *Keperkasaan Wanita dalam Harga Sebuah Maruah*. Makalah dibentangkan dalam Program Bicara Karya. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara Bersama Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI) dan Perpustakaan Awam Daerah Baling, Kedah. 23 Jun 2009.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2004). *Citra Wanita dalam Novel-Novel Melayu dari Perspektif Pengarang Wanita*. Tesis Kedoktoran. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rabi'ah Sarnap. (1999). *Wanita dalam Al-Qur'an dan As-Sunnah*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Sitoresmi Syukri Fadholi. (1993). *Sosok Pandangan Muslimah: Pandangan Seorang Artis*. Yogyakarta: PT Tiara Wacana Yogyakarta.
- Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainal Abidin. (2004). *Aurat: Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2003). Wanita dan Imej Pandora dalam *Tivi*: Satu Kritik Feminis. Dalam Zalila Sharif (Pngr.), *Feminisme dalam Kesusasteraan Malaysia dan Asia Tenggara*. (42-58). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sorokin, P. A. (1957). *A Crisis of Our Age*. New York: E.P. Dutton & Co. Inc.
- Syeikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi. (2007). *Kisah Adam Dan Hawa*. Terj. Abdurrahman Saleh. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.
- Tafsir Al-Qur'an (Resam Othmani)*. (2010). Perak: Maghfirah Pustaka Al-Madani Enterprise.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir dan Zulkarnain Mohamed. (2013). *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Kedudukan Ilmu dalam Kesusastraan Melayu: Teori dan Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).
- \_\_\_\_\_. (November 2012). Apabila Teori Feminis Ternyata Tidak Diperlukan: Satu Kajian Kes. *GEMA Online™ Journal of Language Studies Volume 12*. (4). 1213-1227.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. (1997). *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yulduz Emiloglu. (1995). *Suara Batin Wanita: Satu Kajian Perbandingan di Antara Karya Penulis Wanita Melayu dengan Karya Penulis Wanita Mahua 1957-1982*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Yusuf Al-Qardhawi. (2002). *Wanita dalam Masyarakat Islam Menurut Al-Quran & As-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

## MEDIA ALTERNATIF

- Mohd. Affandi Hassan. Bisukah Sastera Melayu Tanpa Teori Sastera Barat. (14 Jun 2012). [http://pbaru.blogspot.my/2012/06/bisukah-sastera-melayu-tanpa-teori\\_14.html](http://pbaru.blogspot.my/2012/06/bisukah-sastera-melayu-tanpa-teori_14.html) diakses pada 10 Mei 2015.